



DR 1 TAHUN 2021  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR14/2019)**

PENGURUSAN SUBSIDI GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)



### **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14**

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
5. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
6. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
7. YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]
8. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
11. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
12. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
13. YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
14. YB. Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]
15. YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat**

### **WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)



### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

1. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] - *Pengerusi*
2. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Naib Pengerusi*
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
5. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
6. YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
7. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
8. YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]
9. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]
10. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
11. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
12. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
13. YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
14. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]
15. YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat*

**APRIL 2019 HINGGA MAC 2020**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA (KPDNHEP) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN  
PAC PARLIMEN (DR14/2019)**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN SUBSIDI GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)</b>	<b>1 - 2</b>
<b>2</b>	<b>TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN DR14/2019</b>	<b>3 - 13</b>

**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN SUBSIDI GAS  
PETROLEUM CECAIR (LPG)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM  
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

**BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR14/2019)  
BERHUBUNG**

**PENGURUSAN SUBSIDI GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)**

**1. LATAR BELAKANG**

Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan mengenai Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) oleh MOF dan KPDNHEP pada 4 September 2019 dan 16 Oktober 2019 iaitu dalam prosiding Bilangan 34 / 2019 dan 38 / 2019.

Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 15 Julai 2019.

Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dalam Pengurusan Subsidi LPG iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) MOF, Ketua Pengarah (KP) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Ketua Setiausaha (KSU) KPDNHEP untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.

Pada 3 Disember 2019 Jawatankuasa ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) di Dewan Rakyat.

Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF/KPDNHEP.

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil Kementerian Kewangan (MOF) selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat :

- i. MOF dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar yang jelas mengenai maksud kegunaan domestik dan jenis kawalan yang dihasratkan bagi memastikan dasar tersebut adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam akta kepada Kementerian.
- ii. Kerajaan perlu memastikan industri perhotelan dan dobi tidak menikmati sebarang gas LPG bersubsidi tetapi mempertimbangkan pembelian gas LPG bersubsidi oleh peniaga kecil dengan kuota tertentu.
- iii. MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang diseludupkan ke luar negara.
- iv. KPDNHEP perlu menambah jumlah anggota penguat kuasa bagi memastikan usaha mengekang penyelewengan gas LPG bersubsidi.

- v. MOF perlu menyegerakan penyediaan perjanjian dengan semua syarikat pembekal dan SOP bagi proses pembayaran subsidi.
- vi. MOF perlu menjalankan satu penilaian *outcome* terhadap keberkesanan program pemberian subsidi LPG bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati pengguna domestik yang ditetapkan.

## 2. PENDAHULUAN

- 2.1 Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG) oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2018.
- 2.2 Selaras dengan Perkara 77, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) dan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen mengadakan dua prosiding untuk isu ini iaitu pada 4 September 2019 dan 16 Oktober 2019.
- 2.3 PAC Parlimen dalam laporannya telah mengemukakan syor-syor kepada MOF dan KPDNHEP yang berkehendakkan tindakan susulan diambil selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato' Asri Bin Hamidon KSP, MOF dan YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad telah membentangkan tindakan susulan yang diambil MOF dan KPDNHEP kepada PAC Parlimen pada 11 November 2020 dan 23 November 2020.

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA (MOF) DAN  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI DAN HAL  
EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN DR14/2019**

### **3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

**3.1 Syor 1: MOF dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar yang jelas mengenai maksud kegunaan domestik dan jenis kawalan yang dihasratkan bagi memastikan dasar tersebut adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan dalam akta kepada Kementerian.**

3.1.1 Satu Bengkel Penetapan Golongan Sasar telah diadakan pada 15 hingga 17 November 2019 bagi tujuan membincangkan isu serta syor yang telah dibangkitkan dalam LKAN dan juga prosiding PAC.

3.1.2 Selanjutnya, MOF telah menyediakan draf Memorandum Jemaah Menteri (MJM) yang antara lain mengesyorkan tindakan/ cadangan seperti berikut:

- i. Menetapkan golongan sasaran yang layak menerima subsidi LPG seperti berikut:
  - a. Isi rumah yang menggunakan LPG bagi tujuan memasak;
  - b. Pengusaha kantin sekolah/ asrama pelajar/ pusat latihan;
  - c. Pengusaha kafeteria atau medan selera di IPTA/ IPTS/ Kolej/Institusi Pendidikan/ dan di hospital;
  - d. Pengusaha pasar malam, kedai makan, gerai jualan, dan restoran;
  - e. Pengusaha kafeteria atau medan selera di gedung membeli-belah/pejabat/kilang/lapangan terbang/Kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan lain-lain lokasi yang menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman
- ii. LPG yang digunakan untuk tujuan komersial dan perniagaan seperti kedai dobi, hotel, kilang dan lain-lain aktiviti perindustrian tidak layak diberi subsidi;

- iii. mekanisme pelantikan syarikat pembekal LPG ditambah baik dengan mewujudkan Surat Lantikan Pembekal, Surat Aku janji Sebagai Pembekal LPG Bersubsidi dan syarat-syarat kelulusan diperketat; dan
  - iv. mekanisme pemberian subsidi LPG yang pada masa ini dilaksanakan melalui bayaran subsidi bulanan kepada syarikat pembekal LPG akan dikaji semula untuk ditambah baik bagi mengelakkan ketirisan subsidi pada masa akan datang.
- 3.1.3 Walau bagaimanapun KPDNHEP melalui surat bil. KPDNKK(S)600-16/3/12 Jld.2 ( ) bertarikh 7 April 2020 telah memohon supaya pembentangan MJM tersebut ditangguhkan bagi memberi laluan kepada Kajian Penggunaan LPG di Malaysia Serta Impak Rasionalisasi Subsidi LPG yang akan dijalankan oleh KPDNHEP. Kajian ini dijangka akan dapat diselesaikan pada suku ketiga tahun 2021.
- 3.1.4 KPDNHEP juga telah menjelaskan kepada PAC pada mesyuaratnya yang bertarikh 23 November 2020 berhubung keperluan kajian ini dijalankan terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan berhubung penetapan golongan sasaran diputuskan oleh Kerajaan.
- 3.1.5 PAC juga bersetuju dengan cadangan KPDNHEP supaya kajian ini disempurnakan terlebih dahulu sebelum Memorandum Jemaah Menteri dibentangkan di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri.
- 3.2 Syor 2: Kerajaan perlu memastikan industri perhotelan dan dobi tidak menikmati sebarang gas LPG bersubsidi tetapi mempertimbangkan pembelian gas LPG bersubsidi oleh peniaga kecil dengan kuota tertentu.**
- 3.2.1 Mulai tahun 2018, KPDNHEP telah menetapkan KPI bahawa Industri Dan Kilang Tidak Menggunakan Gas Petroleum Cecair LPG Bersubsidi Sebagai Bahan Api Dalam Operasi Perniagaan. Penetapan KPI ini bertujuan membanteras penggunaan LPG bersubsidi oleh industri dan kilang sebagai bahan api yang menyumbang kepada kerugian kepada Kerajaan.

- 3.2.2 Inisiatif KPI tersebut telah diteruskan pada tahun 2019 di mana satu arahan Pemeriksaan Penggunaan Gas Petroleum Cecair Di Sektor Perhotelan Seluruh Negara telah dilaksanakan mulai 21 Oktober 2019 sehingga 15 November 2019 melalui surat bertarikh 16 Oktober 2019 (Ruj.:KPDNKK.100-1/8/6 Jld.3). Tujuan arahan pemeriksaan adalah untuk mengenal pasti serta menangani penyalahgunaan LPG bersubsidi oleh sektor perhotelan. Tambahan lagi ianya juga merupakan langkah advokasi penguatkuasaan ke atas sektor perhotelan agar berubah dari penggunaan LPG bersubsidi kepada LPG komersial.
- 3.2.3 Merujuk kepada statistik premis penginapan pelancongan di Malaysia yang diperoleh daripada Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC), jumlah keseluruhan premis penginapan yang berdaftar di bawah MOTAC adalah sebanyak 3,516 buah premis. Hasil daripada tindakan pemeriksaan ke atas 1,001 buah hotel pada tahun 2019, didapati sebanyak 134 buah hotel (13.4%) telah menggunakan LPG bersubsidi. Arahan telah diberikan kepada semua pihak pengurusan hotel berkenaan untuk menukar kepada penggunaan LPG tidak bersubsidi dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pemeriksaan serta mendapatkan permit barang kawalan.
- 3.2.4 Bahagian Penguat Kuasa telah mengeluarkan Arahan Bahagian Penguat Kuasa Bilangan 14 / 2020 Seksyen Kawalan Bekalan Pemeriksaan Semula Penggunaan LPG Di Sektor Perhotelan Seluruh Negara yang mensasarkan 134 premis hotel yang dikesan menggunakan LPG bersubsidi. Arahan ini telah dikeluarkan pada 10 Mac 2020. Walau bagaimanapun, arahan ini telah ditangguhkan akibat pandemik COVID-19 dan juga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pada ketika ini, Bahagian Penguat Kuasa akan memberi penekanan kepada OPS AMPAI bagi sektor dobi terlebih dahulu dan akan melihat kembali kepada pemeriksaan di hotel selepas mencapai sasaran KPI OPS AMPAI.
- 3.2.5 Hasil pemeriksaan semula penggunaan LPG ke atas 134 buah premis hotel di 11 buah negeri pada tahun 2020 telah mendapati bahawa terdapat dua (2) buah hotel di Negeri Sembilan & satu (1) hotel di Perak yang masih mengguna pakai LPG 14kg bersubsidi. Ketiga-tiga hotel berkenaan telah diberi amaran dan pihak

hotel telah menyatakan komitmen untuk bertukar kepada penggunaan LPG komersial dengan kadar segera. Daripada 1,001 buah hotel yang diperiksa, sebanyak 998 buah hotel (99%) yang menggunakan LPG komersial.

- 3.2.6 Bahagian Penguat Kuasa telah menetapkan tempoh dua (2) tahun iaitu 2021 hingga 2022 sebagai rancangan jangka masa panjang bagi pemeriksaan sektor perhotelan yang menggunakan LPG sebagai bahan api dalam operasi perniagaan sektor tersebut. Bagi pelaksanaan perancangan tersebut, sasaran pemeriksaan difokuskan kepada hotel yang bertaraf lima (5) bintang hingga tiga (3) bintang sahaja berdasarkan kriteria pemilikan dan penggunaan dapur dan dobi dalam premis tersebut.
- 3.2.7 Hasil semakan ke atas 2,515 buah hotel yang didaftarkan di bawah MOTAC, sebanyak 890 hotel adalah bertaraf tiga (3) hingga lima (5) bintang. Oleh yang demikian, penetapan garis masa perancangan Pemeriksaan Ke Atas 890 adalah seperti berikut:

Tahun	Sasaran Bilangan Hotel Diperiksa
2021	445
2022	445

- 3.2.8 Pada tahun 2020, Bahagian Penguat Kuasa telah mengeluarkan Arahan Bahagian Penguat Kuasa Bilangan 10 / 2020 Seksyen Kawalan Bekalan - Pelaksanaan Pelan Tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2020: OPS AMPAI bertarikh 23 Januari 2020. Operasi ini melibatkan melibatkan 705 buah premis dobi berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Objektif OPS AMPAI adalah seperti berikut:

- i. Memastikan semua premis dobi layan diri yang disasarkan menggunakan LPG tidak bersubsidi bersaiz 50kg;

- ii. Memastikan semua premis dobi layan diri yang disasarkan mempunyai Permit Barang Kawalan Berjadual bagi penggunaan LPG;
- iii. Memastikan sumber bekalan LPG tidak bersubsidi bersaiz 50kg adalah daripada pembekal yang sah;
- iv. Memastikan semua premis dobi layan diri yang disasarkan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan undang-undang subsidiari di bawahnya.

3.2.9 OPS AMPAI telah ditangguhkan sementara berikutan penularan Covid-19 pada Februari 2020 dan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020. Oleh itu, sebanyak 160 buah premis dobi yang berdaftar dengan ST disasarkan untuk menukar penggunaan LPG bersubsidi kepada sistem perpaipan di seluruh Malaysia (kecuali Sarawak) pada tahun 2020. Negeri Sarawak dikecualikan kerana premis dobi layan diri di Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Utiliti Negeri Sarawak dan tertakluk di bawah Ordinan Gas 2016. Pelaksanaan OPS AMPAI akan diperluaskan pada tahun 2021 dengan sasaran sebanyak 195 buah premis dobi yang berdaftar dengan ST.

3.2.10 ST menyediakan garis panduan pemasangan sistem perpaipan di bawah Akta Bekalan Gas 1993 (Akta 501) dan Peraturan-peraturan Bekalan Gas 1997. ST dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menetapkan pematuhan sistem perpaipan hendaklah mematuhi standard keselamatan mengikut *Malaysian Standard* MS830:2013. Bagi menetapkan dasar sistem perpaipan sebagai syarat kelulusan lesen perniagaan dobi yang baharu oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), KPDNHEP akan meneruskan sesi libat urus bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), PBT, JBPM dan ST.

3.2.11 Selain daripada sektor perhotelan dan dobi, sektor makanan dan minuman (F&B) juga menggunakan LPG bersubsidi di dalam operasi perniagaan. KPDNHEP berpandangan bahawa sebarang tindakan penguatkuasaan penggunaan LPG

bersubsidi ke atas sektor F&B akan memberi impak secara langsung kepada kos sara hidup pengguna.

3.2.12 Kementerian ini telah mengambil tindakan membanteras kegiatan penyelewengan dan penyeludupan LPG bersubsidi di Pulau Sebatik, Sabah menerusi tindakan berikut:

- i. pelaksanaan Arahan Pengawal bagi Pemegang Lesen Borong dan Pemegang Lesen Runcit di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U.(A) 103/74] di Daerah Tawau. Syarat khas tambahan yang dikuatkuasakan mulai 15 Januari 2016 iaitu melarang pemegang lesen borong menjual LPG kepada pemegang lesen runcit LPG di Pulau Sebatik, Sabah dan pemegang lesen runcit di Pulau Sebatik dilarang mendapatkan bekalan daripada mana-mana orang melainkan pemegang lesen borong LPG yang dilantik oleh Kerajaan di bawah Program Penyeragaman Harga;
- ii. pemegang lesen runcit di Pulau Sebatik, Sabah dilarang untuk menjual LPG bersubsidi kepada mana-mana orang selain yang diberikan kebenaran Pengawal Bekalan;
- iii. mewujudkan kerjasama yang lebih erat dengan agensi penguatkuasaan untuk meminimumkan ketirisan;
- iv. membuat pemurnian data penduduk dan isi rumah untuk mendapat gambaran sebenar keperluan LPG oleh rakyat Malaysia di Pulau Sebatik, Sabah;
- v. mengadakan kerjasama dan mesyuarat berkala dengan pembekal, agensi kerajaan dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung supaya setiap masalah bekalan dan isu ketirisan dapat ditangani dengan berkesan; dan
- vi. memperkenalkan inisiatif baru LPG komersial berwarna ungu di Pulau Sebatik, Sabah dengan kerjasama Petronas.

**3.3 Syor 3: MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang diseludup ke luar negara.**

3.3.1 KPDNHEP akan melaksanakan kajian penggunaan gas petroleum cecair (LPG) di Malaysia serta impak rasionalisasi subsidi LPG. Kajian berkenaan akan dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat perunding dengan anggaran kos sebanyak RM500,000. Tempoh kajian adalah selama 6 bulan.

3.3.2 Objektif kajian penggunaan LPG yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. Mengetahui pasti penggunaan sebenar LPG mengikut kategori seperti berikut:

1. Kategori silinder;
2. Kategori pengguna (golongan isi rumah & industri);
3. Kategori bandar/ luar bandar; dan
4. Mengikut negeri

b. Meneliti impak rasionalisasi subsidi LPG terhadap perkara-perkara berikut:

1. Kos sara hidup;
2. Kos pengurusan entiti perniagaan;
3. Tanggungan subsidi oleh Kerajaan; dan
4. Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP)

c. Fokus kajian adalah seperti berikut:

1. Penggunaan sebenar LPG secara terperinci mengikut kategori pengguna (golongan isi rumah & industri), saiz dan kategori LPG, lokasi (daerah & negeri) serta strata (bandar/ luar bandar);
2. Maklumat terperinci berkenaan ketirisan subsidi dan penyeludupan LPG serta cadangan langkah-langkah mengatasinya; dan
3. Cadangan penambahbaikan kepada pengurusan program subsidi LPG

- 3.3.4 Sebaik sahaja KPDNHEP menerima Laporan Jawatankuasa Kira- Kira Wang Negara DR.14 Tahun 2019 bertarikh 10 Disember 2019, KPDNHEP telah mula membuat sesi libat urus bersama Sekretariat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara, syarikat pembekal LPG dan beberapa prospek syarikat perunding untuk merangka skop dan terma rujukan kajian secara komprehensif. Namun begitu, tatacara perolehan selanjutnya tertangguh berikutan pengumuman Arahan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan mulai 18 Mac 2020.
- 3.3.5 Proses pengurusan dan perolehan telah bermula pada Jun 2020. Proses lantikan perunding mengambil masa dari tempoh penyediaan Terma Rujukan, tawaran kepada perunding dan penilaian perunding. Penyediaan terma rujukan dan teknikaliti kajian perlu diteliti sebelum dokumen pelawaan dikeluarkan.
- 3.3.6 Proses perolehan telah bermula pada Julai 2020. Namun begitu, disebabkan isu teknikaliti dan perubahan keputusan pertimbangan semasa penilaian perolehan dibuat, proses pelantikan syarikat perunding telah berlanjutan melebihi 3 bulan.
- 3.3.7 Surat Pelawaan kepada syarikat perunding yang berjaya telah dikeluarkan pada 30 Oktober 2020. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 20 November 2020.
- 3.3.8 Kajian akan bermula pada minggu pertama Januari 2021 dan dijangka berakhir pada Jun 2021.
- 3.3.9 Kementerian Kewangan dan KPDNHEP akan menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk mengusulkan hala tuju pengurusan subsidi LPG dalam tempoh sebulan selepas menerima laporan akhir kajian.

#### **3.4 Syor 4: KPDNHEP perlu menambah jumlah anggota penguat kuasa bagi memastikan usaha mengekang penyelewengan gas LPG bersubsidi.**

- 3.4.1 Kedudukan perjawatan dan pengisian di Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP sehingga Februari 2020 mengikut gred adalah seperti berikut:

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN TERHADAP TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR14/2019)  
BERHUBUNG PENGURUSAN SUBSIDI GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)

Bil	Jawatan Penguatkuasa	Perjawatan Sedia Ada		
		Jumlah	Pengisian	Kekosongan
1	Jusa B	1	1	0
2	Jusa C	2	2	0
3	KP54	8	7	1
4	KP52	14	14	0
5	KP48/KP52	7	7	0
6	KP48	22	22	0
7	KP44	63	63	0
8	KP41/KP44	312	254	58
9	KP41-KP44 (Jawatan Kumpulan)	3	1	2
10	KP40	4	3	1
11	KP38	67	56	11
12	KP32	161	142	19
13	KP29	654	560	94
14	KP29-KP38 (Jawatan Kumpulan)	4	3	1
15	KP28	3	3	0
16	KP26	51	47	4
17	KP22	251	240	11
18	KP19	943	851	92
19	KP19-KP26 (Jawatan Kumpulan)	3	1	2
<b>JUMLAH</b>		<b>2,573</b>	<b>2,277</b>	<b>296</b>

- 3.4.2 Di bawah Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam, JPA telah menetapkan pengisian perjawatan dihadkan kepada 90% sahaja. Oleh itu, sebanyak 95 pengisian jawatan akan dilaksanakan seawal bulan April 2020.
- 3.4.3 Kertas Cadangan Pengisian Kekosongan Jawatan Skim Perkhidmatan Penguat Kuasa di KPDNHEP telah diserahkan kepada YBhg. Datuk Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dalam sesi kunjungan hormat KSU KPDNHEP kepada KPPA pada 3 Jun 2020.
- 3.4.4 Permohonan tersebut merangkumi cadangan pengisian penuh kekosongan jawatan Skim Perkhidmatan Penguat Kuasa KPDNHEP secara berfasa dalam jangka masa 3 tahun (2020 hingga 2022) untuk menampung pertambahan bebanan tugas dalam menangani isu penyelewengan gas LPG bersubsidi di seluruh negara seperti berikut:

Bil.	Tahun	Cadangan Pengisian Kekosongan Jawatan Skim Perkhidmatan Penguat Kuasa KPDNHEP Di Gred Lantikan			Jumlah
		Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29	Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19	
1.	2020	33	30	28	91
2.	2021	10	46	30	86
3.	2022	30	0	45	75
<b>Jumlah</b>		<b>73</b>	<b>76</b>	<b>103</b>	<b>252</b>

**3.5 Syor 5 : MOF perlu menyegerakan penyediaan perjanjian dengan semua syarikat pembekal dan SOP bagi proses pembayaran subsidi.**

- 3.5.1 Garis Panduan Kelulusan Kebenaran Untuk Menuntut Subsidi serta Garis Panduan Bayaran Tuntutan Subsidi oleh Syarikat Pembekal LPG telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 13 April 2020;
- 3.5.2 MOF juga telah mendapat pandangan Bahagian Undang-undang ke atas draf Surat Kelulusan Kebenaran Untuk Menuntut Subsidi dan Surat Aku janji Pembekal LPG untuk menuntut subsidi oleh syarikat pembekal LPG. Pandangan BUU telah diperoleh pada 14 Oktober 2020;
- 3.5.3 Seterusnya MOF akan mengeluarkan Surat Kelulusan Kebenaran Untuk Menuntut Subsidi dan Surat Aku janji Pembekal LPG kepada semua syarikat pembekal LPG dengan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat pembekal. Kegagalan syarikat pembekal LPG untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MOF, akan menyebabkan tuntutan subsidi tidak akan diproses.
- 3.5.4 Proses untuk mengeluarkan Surat Kelulusan dan Surat Aku janji ini dijangka diselesaikan sebelum 31 Disember 2020. Perjanjian juga akan dibuat setelah mendapat mandat Jemaah Menteri kelak berhubung dengan kumpulan sasar.

**3.6 Syor 6 : MOF perlu menjalankan satu penilaian *outcome* terhadap keberkesanan program pemberian subsidi LPG bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati pengguna domestik yang ditetapkan.**

3.6.1 Perkara ini akan diselaraskan dalam kajian yang akan dijalankan oleh KPDNHEP.

#### **4. PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF dan KPDNHEP selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14**

# **LAPORAN PROSIDING**

- ❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Rabu, 11 November 2020**
- ❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Isnin, 23 November 2020**



MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (*HANSARD*)

Rabu, 11 November 2020

MESYUARAT  
**JAWATANKUASA**  
**KIRA-KIRA WANG NEGARA**

TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN  
ISU: Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG)

PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 11 NOVEMBER 2020**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]	
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]	
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]	
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]	
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]	
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]	

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]	
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]	
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin	- <i>Setiausaha</i>

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

Encik Marzuni bin Muhamad [Pengarah Audit Prestasi Bahagian III, Sektor Audit Prestasi]

Encik Azmi bin Hassan [Timbalan Pengarah Audit Prestasi Bahagian III, Sektor Audit Prestasi]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Jabatan Audit Negara**

Puan Halimatun binti Abu Bakar [Juruaudit (Seksyen Penyelarasan Laporan dan Seksyen Pentadbiran dan Sokongan), Sektor Audit Prestasi]

**Kementerian Kewangan (MOF)**

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Encik Abd Razak bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Dasar dan Perancangan Strategik) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]

**Jabatan Peguam Negara**

Cik Fatin binti Mohd Noor [Peguam Persekutuan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Nur Hayati binti Abd. Hamid [Penolong Pesuruhjaya]

Puan Ida Sahana binti Rasiman [Penguasa Kanan]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Mohd Redzuan bin Hasan [Timbalan Akauntan Negara (Operasi)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Y.Brs. Dr. Mohammed Shahrin bin Umar [Pengarah Bahagian Tenaga]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

**SAKSI****Kementerian Kewangan**

Y.Bhg. Dato' Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Encik MA. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai]

Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Rabu, 11 November 2020

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, selamat petang Ahli-ahli PAC sekalian, Sekretariat, ex-officio. Saya minta sebelum kami menjemput saksi kan... *[Yang Berhormat Pasir Mas masuk ke bilik Jawatankuasa 1]* Sila, Handsome hari ini. Okey, biarlah saya jemput Encik Johan untuk memberikan sedikit taklimat dalam masa katakan lima minit *then* kita boleh *proceed* untuk memanggil saksi-saksi kita. Sila.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, barisan *ex-officio* PAC. Jadi berkenaan dengan maklum balas daripada Kementerian Kewangan berhubung Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair, PAC mengadakan dua prosiding untuk isu ini yang diambil daripada Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1, prosiding diadakan pada 04 September dan juga 16 Oktober.

Dalam kedua-dua prosiding itu, prosiding pertama dihadiri oleh TKSP Bahagian Dasar ketika itu, Datuk Siti Zauyah dan kemudian pada prosiding yang kedua kita memanggil Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz ketika itu. Jadi antara yang dibangkitkan PAC dalam prosiding berkenaan adalah mengenai ketirisan subsidi, lebihan bayaran yang dibuat oleh MOF kepada syarikat pembekal. Kelewatan proses tuntutan dan pelantikan pembekal tanpa perjanjian. Untuk KPDNHEP daripada segi penguatkuasaan.

Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat tujuh rumusan iaitu:

- (i) mendapati tiada dasar dan prosedur yang jelas mengenai pemberian subsidi gas LPG;
- (ii) mendapati tiada definisi khusus untuk kategori penggunaan domestik;
- (iii) tiada penetapan had atau limit tuntutan yang boleh dibuat oleh enam pembekal LPG bersubsidi yang dilantik kerajaan;

- (iv) gas LPG bersubsidi dijual kepada pengguna komersial seperti kedai dobi, hotel dan restoran. Itu yang berlaku ketirisan subsidi;
- (v) mengambil maklum bahawa tiada kajian yang dilakukan oleh MOF berkaitan dengan penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna hingga menyebabkan sukarnya penguatkuasaan dilakukan dipihak KPDNHEP;
- (vi) mengambil maklum bahawa tiada data terhadap ketirisan gas subsidi LPG yang di seludup keluar negara; dan
- (vii) mengambil maklum bahawa JAN membuat anggaran berlaku ketirisan sejumlah RM1.72 bilion dalam tempoh tiga tahun bermula 2015 hingga 2017 akibat kelemahan dan kegagalan membuat definisi golongan pengguna domestik.

Berikutan daripada rumusan berkenaan PAC membuat syor kepada kerajaan.

Pertama MOF dan KPDNHEP perlu membuat penetapan dasar yang jelas mengenai maksud kegunaan domestik dan jenis kawalan yang dihasratkan.

Kedua, kerajaan perlu memastikan industri perhotelan dan dobi tidak menikmati sebarang gas LPG bersubsidi tetapi mempertimbangkan pembelian gas LPG bersubsidi oleh peniaga kecil dengan kuota tertentu.

Ketiga, MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri.

Keempat, KPDNHEP perlu menambah jumlah anggota penguat kuasa bagi mengekang penyelewengan gas LPG.

Kelima, MOF perlu menyegerakan penyediaan perjanjian dengan semua syarikat pembekal dan SOP bagi proses pembayaran subsidi.

Keenam, MOF perlu menjalankan satu penilaian *outcome* terhadap keberkesanan program pemberian subsidi bagi memastikan manfaatnya hanya dinikmati oleh pengguna domestik seperti yang ditetapkan oleh dasar kerajaan. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Encik Johan. So, dengan itu mungkin boleh memanggil saksi. Hari ini adalah untuk maklum balas setelah laporan seperti sesi pagi tadi dengan petang semalam.

**[Saksi dari Kementerian Kewangan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi:** Okey. Salam sejahtera, selamat petang dan selamat datang ke PAC. Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC sekalian, barisan *ex-officio* PAC, terima

kasih kerana terus hadir dalam mesyuarat petang ini. Pagi tadi kita telah mengadakan satu mesyuarat berkenaan dengan tindakan susulan bagi isu *flying car air mobility*. Hadir di hadapan Jawatankuasa ini adalah Dato' Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, selamat kembali ya Dato'. *I think* semalam kan baru kita jumpa untuk Laporan Khazanah dan Encik Ma. Sivanesan, Setiausaha Bahagian Cukai MOF. *I think* Encik Sivanesan sudah pun hadir di PAC ini banyak kali lah. *Last year* untuk GST, isu GST yang kita adakah lebih daripada lapan hingga sembilan prosiding dan setiap prosiding Encik Sivanesan ada.

Akan tetapi sedikit cerita perkembangan berkenaan dengan PAC kita, *especially for* Encik Sivanesan, yang mana ahli-ahli kita pun telah bertukar dan ahli-ahli lama yang duduk dalam prosiding GST dulu adalah saya, Yang Berhormat Kluang dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh. Ahli-ahli yang lain termasuk Timbalan Pengerusi, Yang Berhormat Beaufort adalah ahli-ahli baharu bagi Jawatankuasa ini tetapi kita masih boleh memastikan kesinambungan pengurusan dan juga perjalanan prosiding PAC.

Pada petang ini kita akan mendengar pembentangan maklum balas daripada MOF berhubung dengan Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair LPG. Laporan PAC berkenaan dengan isu ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2019 dengan prosiding diadakan sebanyak dua kali pada 4 September 2019 dan 16 Oktober 2019. Manakala *housekeeping* kita diadakan pada 19 November. Isu ini, isu subsidi gas petroleum cecair ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 1. Tanpa melengahkan masa saya ingin menjemput Dato' KSP, Dato' Asri bin Hamidon untuk memulakan taklimat pada petang ini. Dipersilakan Dato'.

**Dato' Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, wakil-wakil ketua perkhidmatan dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan.

#### ■1440

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara kerana memberi ruang kepada Kementerian Kewangan bagi memaklumkan status laporan tindakan susulan pegawai pengawal ke atas syor-syor PAC bertarikh 4 September 2019 dan 16 Oktober 2019 iaitu dalam prosiding terdahulu Bilangan 34 2019 dan Bilangan 38 2019. Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2018 telah melaporkan wujudnya kelemahan dalam pengurusan

bayaran subsidi serta aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, LKAN telah mengesyorkan seperti berikut.

Pertama, satu ketetapan jelas hendaklah dibuat dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri bagi menetapkan definisi golongan sasaran yang layak menerima subsidi LPG. Kedua, membuat penilaian *outcome* terhadap keberkesanan program dan yang ketiga, merangka SOP yang komprehensif yang merangkumi pelantikan pembekal tatacara tuntutan bayaran subsidi dan pemantauan terhadap rangkaian perbekalan LPG serta meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Maklum balas ke atas LKAN sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa melalui saluran yang ditentukan oleh Jabatan Audit Negara.

Seterusnya, mesyuarat prosiding PAC pada 4 September 2019 yang lalu telah bersidang dan mengesyorkan enam syor seperti berikut:

- (i) MOF dan KPDNHEP membuat ketetapan dasar yang jelas mengenai maksud golongan sasaran yang layak menikmati subsidi;
- (ii) kerajaan perlu memastikan industri perhotelan dan dobi tidak menikmati subsidi LPG tetapi mempertimbangkan pemberian subsidi LPG kepada peniaga kecil;
- (iii) MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang diseludup ke luar negara;
- (iv) MOF perlu menyegerakan penyediaan perjanjian dengan semua syarikat pembekal LPG dan garis panduan bagi bayaran LPG;
- (v) KPDNHEP perlu menambah jumlah anggota penguatkuasaan bagi memastikan usaha mengekang aktiviti penyelewengan; dan
- (vi) MOF perlu menjalankan kajian *outcome* terhadap keberkesanan program.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli Mesyuarat, Kementerian Kewangan bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui mesyuarat penyelarasan laporan tindakan susulan pegawai pengawal Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke atas syor-syor PAC bagi pengurusan program subsidi LPG dan bersetuju seperti berikut:

Pertama, satu ketetapan jelas hendaklah dibuat dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri bagi menetapkan definisi golongan sasaran yang layak menerima subsidi LPG. Satu bengkel penetapan golongan sasaran telah diadakan pada 15 hingga 17 November 2019 bagi tujuan membincangkan isu serta syor yang telah dibangkitkan dalam LKAN dan juga prosiding PAC.

Selanjutnya, MOF telah menyediakan draf memorandum Jemaah Menteri yang mana kita akan buat memorandum bersama dengan KPDNHEP yang antara lain mengesyorkan tindakan cadangan seperti berikut.

Pertama, menetapkan golongan sasaran yang layak menerima subsidi LPG seperti berikut:

- (a) isi rumah yang menggunakan LPG bagi tujuan memasak;
- (b) pengusaha kantin sekolah, asrama pelajar dan pusat latihan;
- (c) pengusaha kafeteria atau medan selera di IPTA, IPTS, kolej, institusi pendidikan dan hospital;
- (d) pengusaha pasar malam, kedai makan, gerai jualan dan restoran; dan
- (e) pengusaha kafeteria atau medan selera di gedung membeli-belah, pejabat, kilang, lapangan terbang, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan lain-lain lokasi yang menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman.

**Tuan Pengerusi:** Dato', boleh tanya satu soalan. Berkenaan dengan (d) cadangan daripada jawatankuasa bengkel penetapan golongan sasaran ini juga termasuk untuk restoran. *To me it's something quite shocking.* Oleh sebab, restoran mungkin kita ada restoran kecil atau kedai kopi, so mungkin itu satu kategori. Akan tetapi sekiranya kita masukkan restoran secara keseluruhan *we have very big restaurants, five to six—* lima sampai enam buah kedai dalam untuk restoran itu. *I think that is solely for very high-end commercial purpose.* So, apakah justifikasi untuk masukkan restoran di sini? Terima kasih.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah syor daripada bengkel. Kita *take note* teguran daripada PAC dan cadangan daripada PAC supaya kita pecahkan kepada restoran-restoran kecil sahaja. *Because* MJM ini kita belum *table* lagi kepada Kabinet.

**Tuan Pengerusi:** *I think* mungkin *like* isi rumah. *Fair enough*. Pengusaha kantin sekolah, IPTA, IPTS *I think fair enough*. Untuk pasar malam, *I think also to certain extend* yes-lah. Perniagaan mereka kecil. Akan tetapi untuk restoran *I think it's quite—* kena *review*. Ya, Yang Berhormat Kluang ada? Tiada, okey.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Okey, Yang Berhormat kita *take note*. Kita akan *refine* balik dalam Memorandum Jemaah Menteri nanti.

Okey, LPG yang digunakan untuk tujuan komersial dan perniagaan seperti kedai dobi, hotel, kilang dan lain-lain aktiviti perindustrian tidak layak diberi subsidi dan kita akan masukkan restoran-restoran yang besar supaya tidak layak diberi subsidi. Mekanisme pelantikan syarikat pembekal LPG yang ditambah baik dengan mewujudkan surat lantikan pembekal, Surat Akujanji sebagai pembekal LPG bersubsidi dan syarat-syarat kelulusan diperketat dan mekanisme pemberian subsidi LPG yang pada masa ini dilaksanakan melalui bayaran subsidi bulanan kepada syarikat pembekal LPG akan dikaji semula untuk ditambah baik bagi mengelakkan ketirisan subsidi pada masa yang akan datang.

Walau bagaimanapun, KPDNHEP melalui surat bilangan KPDNKK(S)600-16/3/12 Jilid II bertarikh 7 April 2020 telah memohon supaya pembentangan MJM tersebut ditangguhkan bagi memberi laluan kepada kajian penggunaan LPG di Malaysia serta impak rasionalisasi subsidi LPG yang akan dijalankan oleh KPDNHEP. Kajian oleh KPDNHEP ini dijangka akan dapat diselesaikan pada suku ketiga tahun 2021. Walau bagaimanapun, sehingga kini KPDNHEP belum mengemukakan cadangan balas hasil daripada kajian yang dijalankan.

Syor kedua, kerajaan perlu...

**Tuan Pengerusi:** Sekejap Dato'. Berkenaan dengan draf, *I think* untuk syor satu kan. Berkenaan dengan draf memorandum kepada Jemaah Menteri. Sekejap ya. *Trying to look at it*. Slaid nombor empat dan lima berkenaan dengan penyediaan draf Memorandum Jemaah Menteri, boleh tidak pihak PAC tahu apakah status draf sudah siap tetapi pernah dibentangkan ke Kabinet atau belum. Atau sekiranya belum, *of course* kita tahu selepas bulan dua ada pertukaran kerajaan. Selepas itu, apakah susulan dari situ? *Then, what is the targeted time?*

■1450

**Encik MA. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai]:** Yang Berhormat, berhubung dengan draf Jemaah Menteri tersebut ia masih di peringkat draf dan belum dibentangkan kepada Jemaah Menteri. So, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Dato' KSP tadi selepas Kementerian Kewangan mengemukakan kepada

KPDNHEP dengan hasrat supaya MJM tersebut dibentangkan sebagai MJM bersama dengan kedua-dua Menteri.

Kementerian tersebut minta ditangguhkan dulu sehingga ia ingin menyelesaikan kajian tersebut sebab ia ada sedikit *concern* — saya percaya ada *concern* yang daripada KPDNHEP yang minta tangguh dulu. Selepas itu yang berlaku perubahan kerajaan dan sebagainya...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Boleh saya tanya *follow-up* Tuan Pengerusi? Jadi saya agak bimbang kerana sementara saya mengambil maklum KPDNHEP minta supaya kajian mereka dibentangkan tetapi dalam ayat yang seterusnya disebut ia hanya diselesaikan pada suku ketiga tahun 2021, *that means next year*.

Jadi adakah MOF merasakan ini diterima walaupun jangka masanya terlalu lama? Memandangkan bila kita sudah adakan rundingan dalam PAC, *and it is quite detailed* dari segi kerugian. Apakah pendirian MOF, *are you going to just accept it, as is?* Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, susulan daripada situ saya bersetuju dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Sekiranya kita hendak tunggu sampai suku ketiga tahun 2021, *the whole thing from the* Laporan Ketua Audit dan juga prosiding dan laporan PAC akan berlanjutan sehingga suku ketiga *at least* tapi lebih daripada situ. *So, we are talking about like 2022 or 2023* baru kita boleh selesaikan masalah ini dan setiap tahun kita mengalami kerugian dari segi subsidi.

*So, if there is a need I think we have to call KPDNHEP to come.* Akan tetapi, *I leave it to Mr. Sivanesen to answer first.*

**Encik MA. Sivanesan:** Yang Berhormat saya bersetuju masa yang dipohon — dimaklumkan oleh KPDNHEP ini agak terlalu lama. Saya dimaklumkan bahawa mereka mempunyai kekangan untuk memulakan kajian ini tetap dari segi prinsipnya sebenarnya perkara ini boleh di bawah kepada Jemaah Menteri untuk persetujuan.

Kemudian jika ada apa-apa penambahbaikan yang perlu dibuat, kita juga boleh membuat penambahbaikan tersebut. *So, kita cubalah kalau KSP bersetuju untuk sekurang-kurangnya kita dapat melaksanakan perkara ini dalam suku pertama tahun hadapan.* Mana golongan yang telah kita kenal pasti itu boleh dibuat dahulu. *So, itu pandangan sayalah.* Tertakluk kepada — mungkin PAC boleh menjemput KPDNHEP juga sekiranya diperlukan untuk mendapat pendirian KPDNHEP berhubung perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** *I think we need to. Okay, I think selepas ini kita kena panggil KPDNHEP sekali lagi. So, anyhow thank you for the reply.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sikit lagi, *last*. Maksudnya kalau saya boleh tanya dengan mendapatkan penjelasan. Sehingga kajian ini dibentangkan pada 2021, tidak akan adalah mana-mana memorandum Jemaah Menteri yang dikemukakan?

**Encik MA. Sivanesan:** Buat masa ini kita tiada apa-apa MJM yang dikemukakanlah. Melainkan diputuskan bahawa kita membawa ke hadapan perkara ini tanpa penyiapan kajian tersebut. Maksudnya berdasarkan apa-apa fakta yang kita ada sekarang dan berdasarkan *outcome* daripada bengkel yang telah dijalankan pada November 2019 tersebut.

*So, based on that* kita boleh memperakukan kepada Jemaah Menteriilah. Tertakluk kepada persetujuan Jemaah Menteri nanti.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tertakluk kepada keputusan Menteri MOF yang terkini?

**Encik MA. Sivanesan:** Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila teruskan.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Syor yang kedua Yang Berhormat, kerajaan perlu memastikan industri perhotelan, lobi tidak menikmati subsidi LPG tetapi mempertimbangkan pembiayaan subsidi kepada LPG kepada peniaga kecil.

So, maklum balas KPDNHEP seperti berikut. Seperti yang dilaporkan dalam laporan tindakan pegawai pengawal Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, mulai tahun 2018 KPDNHEP telah meletakkan KPI bahawa kilang dan industri tidak boleh menggunakan LPG bersubsidi sebagai bahan api dalam operasi perniagaan.

KPDNHEP juga telah menjalankan Ops Ampai untuk memastikan pengguna industri tidak menggunakan LPG bersubsidi. Antara objektif Ops Ampai adalah:

- (i) Memastikan semua premis dobi layan diri yang disasarkan menggunakan LPG tidak bersubsidi bersaiz 50kg;

- (ii) Memastikan semua premis dobi layan diri yang disasarkan mempunyai permit barang kawalan berjadual bagi penggunaan LPG;
- (iii) Memastikan sumber bekalan LPG tidak bersubsidi bersaiz 50kg adalah daripada pembekal yang sah;
- (iv) Memastikan semua premis dobi layan diri yang disasarkan mematuhi undang-undang dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 196 dan undang-undang subsidiari di bawahnya.
- (v) KPDNHEP juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan LPG bersubsidi di kawasan sempadan negara.
- (vi) KPDNHEP akan mencadangkan kepada kerajaan supaya pembelian LPG bersubsidi oleh peniaga kecil dengan kuota tertentu.

Syor ketiga MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang di seludup ke luar negara.

Maklum balas KPDNHEP seperti berikut. KPDNHEP telah bersetuju telah melaksanakan kajian penggunaan LPG di Malaysia serta impak rasionalisasi subsidi LPG. Kajian tersebut akan dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat perunding dengan anggaran kos RM500 ribu.

Skop kajian akan dilaksanakan mengikut kategori seperti berikut. Mengenal pasti kepenggunaan sebenar LPG mengikut kategori seperti kategori silinder, kategori pengguna, lokasi.

Manakala skop kajian bagi impak rasionalisasi subsidi terhadap perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Kos sara hidup;
- (ii) Kos pengurusan entiti perniagaan;
- (iii) Tanggungan subsidi oleh kerajaan; dan
- (iv) Perubahan indeks harga pengguna.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Dato' bolehkah saya bertanya sementara itu? Kehilangan pendapatan negara ini daripada mana, yang disebabkan mana? Daripada banyak-banyak itu, di mana yang kita kehilangan pendapatan?

**Dato' Asri bin Hamidon:** Yang seludup Yang Berhormat?

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Yang seludup. *So, meanwhile before you go to the memorandum* kepada Kabinet itu. Tidak adakah cara yang kita hendak pastikan penyeludupan yang dapat kita banteras supaya kita tidak kehilangan pendapatan?

**Encik MA. Sivanesan:** Yang Berhormat kalau saya boleh memberikan sedikit *input*. Memang tindakan penguatkuasaan atas penyeludupan ini adalah di bawah KPDNHEP dan memang mereka menjalankan operasi berterusan. Kalau saya memahami sebetulnya tujuan kita menyasarkan pemberian subsidi ini adalah lebih besar daripada itulah. Mungkin penyeludupan itu juga ada berlaku di beberapa pulau di perairan Sabah dan sebagainya. Itu selalu dilaporkanlah.

Apa yang kita hendak *target* lebih kepada memastikan ia hanya kepada golongan sasaran terutama isi rumahlah bukan kepada kategori perniagaan. *So*, dari segi mekanisme memastikan ia hanya akan sampai kepada golongan sasaran. Itu yang perlu diperketatkanlah sebab sekarang ini contohnya tong silinder itu tidak mempunyai sebarang pelabelan ataupun jenis yang mudah dikenal pasti.

*So*, kita tidak ada mekanisme RFID atau sebagainya. Bila *detect* itu pergi ke mana gas tong itu? Ia tidak boleh kawal daripada *dealer* sampai ke *retailer* dan sebagainya — kita tidak ada mekanisme kawalan itu. Itu yang menyukarkan penguatkuasaan.

*So*, mungkin masa beli — dia sebenarnya isi rumah tetapi dia boleh bawa tong itu pergi ke kedai ataupun industri lain letak dekat kedai dobi dan sebagainya. Itu isu sebenarnya yang kita perlu tangani. *So*, bila kita telah tetapkan golongan sasaran ini kaedah-kaedah ataupun apa-apa teknologi yang boleh diguna pakai itu kita akan susul kemudian supaya syarikat-syarikat pembekal ini dapat *adopt* apa-apa syarat yang dikenakan nanti untuk memastikan bahawa ada benda-benda yang boleh kita kuatkuasakan nanti *through* perundangan dan juga teknologi.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Jadi penentuan kumpulan sasaran ini, adakah ia memerlukan kajian yang panjang?

**Encik MA. Sivanesan:** Seperti yang saya nyatakan tadi. Dari segi golongan sasaran itu kita boleh pergi kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan kelulusan. Akan tetapi kajian itu masih tetap diperlukan oleh KPDNHEP. *It is a bigger outcome study* dan sebagainya untuk memastikan bahawa betul-betul.

*Even* yang kita bagi kepada rakyat ini pun betulkah? Sama ada orang kaya perlu di bagi atau ikut pendapatan? Itu *it's a separate study* Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Yang di-Pertua.

■1500

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** *Do you really want to make a study* yang kata orang kaya hendak bagi kah tidak bagi kah. *Why can't you make a decision, okay. You know it's only for this group of people* yang kita bagi subsidi, yang *for those group of people* yang atas-atas itu, tidak perlulah macam itu. Hendak buat *study* juga kah yang itu?

**Encik MA. Sivanesan:** Betul Yang Berhormat, kita mudah membuat keputusan tetapi cuma macam saya katakan tadi sebab tong gas ini ia mudah bergerak. *So*, kita tidak boleh hendak kawal tong gas itu bergerak ke mana. Ia boleh pergi ke rumah orang miskin, rumah orang kaya. Orang miskin boleh beli *supply* kepada orang kaya. *It's an operational issues*-lah yang kita perlu tangani.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Kalau saya boleh tanya tadi maksudnya daripada segi pendirian MOF tidak ada masalah mahukan satu *study* yang lebih menyeluruh ya, kerana mungkin ada impak berganda contohnya daripada pemberian subsidi dan sebagainya. *I remember we had this discussion* dekat satu kedai mamak siapa yang pergi, adakah kedai mamak itu akan lebih tinggi harga teh tariknya kalau tidak diberi subsidi. Itu okey saya faham.

Soalan saya yang kedua adalah tentang undang-undang yang terkait. Kalau dilihat tadi Dato' Asri menyebut tentang akta kawalan bekalan dan akta-akta lain. Segala pindaan hanya boleh dibawa oleh kementerian masing-masing tetapi dipersetujui di peringkat Jemaah Menteri. *So, in terms of governance issues*, adakah akta-akta ini memerlukan persetujuan kedua-dua kementerian ataupun hanya MOF memadai?

**Encik MA. Sivanesan:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi tujuan penguatkuasaan ini, kuasa-kuasa dia ada di tangan Menteri KPDNHEP. Cuma lazimnya perkara-perkara yang memberi impak yang besar, ia akan bawa kepada Jemaah Menteri dan dalam keadaan itu *of course* Kementerian Kewangan akan turut memberi input dan pandangan dalam memastikan apa-apa dasar yang dibuat itu tidak memberi kesan negatif.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Pengerusi, saya rujuk balik yang disebut tadi oleh Dato' Asri tadi maklum balas KPDNHEP ini, kajian impak rasionalisasi subsidi yang akan dibuat pula. Jadi adakah kajian ini dalam rangkuman

bengkel yang telah dibuat pada 15, 17 November yang lalu? Maksudnya, adakah itu kajian yang berasingan? Begitu juga daripada segi kertas dasar awal yang rasionalisasi subsidi ini, kementerian mana yang telah membentangkan dasar ini? MOF ataupun KPDNHEP? Adakah kita akan berulang balik kertas dasar yang kita bentang awal itu ketika awal projek, program kita ini dengan kajian yang hendak dibuat pula untuk kita hendak tengok rasionalisasinya? Terima kasih.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat tadi bahawa syor satu itu kita perlukan definisi golongan sasaran yang *one of the comments* daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah restoran. Kita fokus restoran kecil. Akan tetapi maklum balas daripada KPDNHEP mengatakan bahawa ia memerlukan satu kajian kepenggunaan mengikut negeri dan impaknya kepada rasionalisasi subsidi. *So that's why* dia minta supaya kajian ini dilaksanakan dahulu tetapi kajian ini kita juga berpendirian terlalu lama bermula pada Januari 2021...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Asri bin Hamidon:** *That's why Mr. Siva* punya *suggestion* supaya kita pergi dahulu kepada Jemaah Menteri, kita *define* dahulu definisi itu. Kemudian kajian itu kalau katakan kita perlu membuat pindaan perundangan, kita masukkan pindaan perundangan itu di bawah *attachment* sahaja, saya rasa. *This is* saya punya pendapatlah. Kajian itu— kalau kita hendak menunggu kajian ini selesai, akan berlaku kita *keep on providing subsidies until* habislah.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Asri bin Hamidon:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Tidak apa, sila teruskan.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Syor keempat, MOF perlu menyegerakan penyediaan perjanjian dengan semua syarikat pembekal LPG dan garis panduan bagi bayaran LPG. So, garis panduan kelulusan kebenaran untuk menuntut subsidi serta garis panduan bayaran tuntutan subsidi oleh syarikat pembekal LPG telah diluluskan oleh MOF pada 13 April 2020. MOF juga perlu mendapatkan pandangan bahagian undang-undang ke atas draf surat kelulusan kebenaran untuk menuntut subsidi dan surat aku janji untuk menuntut subsidi oleh syarikat pembekal LPG. Bahagian undang-undang telah memberikan komen dan kelulusan pada 14 Oktober 2020.

Seterusnya MOF akan mengeluarkan surat kelulusan kebenaran untuk menuntut subsidi dan surat aku janji pembekal LPG kepada semua syarikat pembekal LPG dengan menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat

pembekal. Kegagalan syarikat pembekal LPG untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MOF akan menyebabkan tuntutan subsidi tidak akan diproses.

Proses untuk mengeluarkan surat kelulusan dan surat aku janji ini dijangka akan selesai sebelum akhir tahun ini. Perjanjian juga akan dibuat setelah mendapat mandat Jemaah Menteri kelak berhubung dengan kumpulan sasar.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, boleh saya bertanya? Adakah undang-undang ataupun undang-undang mana yang digunakan atau akta mana yang digunakan untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pembekal sebelum ini yang didapati melanggar apa juga syarat yang telah ditetapkan dalam pengedaran atau pembahagian subsidi ini kepada pengguna? Adakah apa-apa tindakan pernah diambil dan di bawah akta mana dan adakah yang telah dihukum?

**Dato' Asri bin Hamidon:** KPDNHEP.

**Encik MA. Sivanesan:** Yang Berhormat, adakah ini soalan berhubung dengan tindakan penguatkuasaan atas penggunaan oleh entiti yang tidak sewajarnya mendapat subsidi?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Oleh sebab berkaitan dengan ini juga, kita hendak membuatkan Akujanji kelulusan kebenaran dan sebagainya, ia macam tidak terlalu *binding* ataupun tidak terlalu keras dalam mengelak, menghalang ketirisan daripada berlaku. Jadi, bagaimanakah sebelum ini adakah apa-apa tindakan?

**Encik MA. Sivanesan:** Sebenarnya Yang Berhormat sebelum ini kita tidak ada sebarang ikatan sebegini. Sebab itu susulan daripada laporan audit, kita menambah baik proses dengan menetapkan pembekalan oleh syarikat-syarikat ini sebagai satu pembekalan kepada kerajaan dan akan terikat dengan Akta Tatacara Kewangan dan di mana apabila dia melanggar syarat itu, kita akan ambil mengikut apa yang ada dalam Akta Tatacara Kewangan terutamanya dia balik kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Kalau dia tidak patuh maksudnya tuntutan subsidi itu tidak akan diluluskan. Ia lebih kepada subsidi sama ada boleh diluluskan untuk dibayar ataupun tidak dibayar. Sama macam pembekalan lain. Kalau pembekalan tidak menepati spesifikasi, biasanya pembayaran tidak dapat dibuatlah. Itu tindakan yang kita ambil. Memang bagi kita tiada satu akta subsidi dan sebagainya untuk mengawal selia pemberian subsidi ini.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Okey, syor yang kelima adalah KPDNHEP perlu menambah jumlah anggota penguatkuasaan bagi memastikan usaha mengekang aktiviti penyelewengan. Seperti yang dilaporkan dalam laporan tindakan pegawai pengawal Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ke atas syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

kedudukan perjawatan di bahagian penguatkuasaan KPDNHEP sehingga Februari adalah seperti berikut.

Jumlah perjawatan ialah 2,573 dan jumlah pengisian ialah 2,277 dan terdapat kekosongan 296 jawatan. Di bawah Dasar Pengawalan Sektor Awam, JPA telah menetapkan pengisian perjawatan dihadkan kepada 90 peratus sahaja. Oleh itu, sebanyak 95 peratus pengisian jawatan telah diisi sejak April 2020. KPDNHEP juga telah mengemukakan cadangan pengisian kekosongan jawatan bagi skim perkhidmatan penguatkuasaan kepada JPA pada 3 Jun 2020.

Seterusnya yang terakhir iaitu syor yang keenam, MOF perlu menjalankan satu penilaian *outcome* terhadap keberkesanan program. Perkara ini akan diselaraskan dalam kajian seperti di syor yang ketiga. Seterusnya, saya rasa bahagian cukai akan *update* Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan status lebih terperinci. Sekian Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

#### ■ 1510

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Dato' Asri bin Hamidon. Sebelum kita *move on*, bagi Dato' KSP atau Encik MA. Sivanesan, saya hendak dapatkan satu pencerahan. *I think point* ini dibangkitkan juga di dalam prosiding berkenaan dengan definisi '*golongan sasaran*'.

So, kita difahamkan di sini ada satu draf Memorandum Jemaah Menteri telah pun disediakan. Akan tetapi, sebelum itu, boleh tidak saya dapatkan pengesahan sekali lagi. So, kita memang tidak ada golongan ataupun definisi siapa yang diklasifikasikan sebagai '*golongan sasaran*' dan siapa tidak. So, betul atau tidak?

**Encik MA. Sivanesan:** Saya percaya pemberian subsidi ini berpunca daripada satu keputusan Kabinet di mana diberi untuk *domestic sector*. So, itulah punca yang kita pegang. So, tiada perincian domestik itu. Siapa isi rumah kah, peniaga domestik kah dan sebagainya sebab itu yang berlaku...

**Tuan Pengerusi:** So, yang dulu itu *keyword* itu domestik?

**Encik MA. Sivanesan:** Domestik. Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Okey faham. Okey. So, bahagian cukai— Ya, silakan Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ini —Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bawakan kepada permohonan asal semasa kita adakan sesi berkait dengan subsidi LPG ini awal dulu. Tahun lepas kah? Jadi, antara permohonan yang kita minta adalah draf kepada Memorandum Jemaah Menteri.

Saya difahamkan ada limitasi undang-undang ya yang tidak boleh membenarkan pemberian dokumen tersebut. Akan tetapi, kalau boleh dimasukkan elemen-elemen utama yang diambil kira ke perhatian Jemaah Menteri kelak, itu juga penting. Ini kerana kita sudah bincang tentang isu ini dan PAC lebih-lebih lagi sangat mendukunglah iltizam politik yang ditunjukkan oleh peringkat MOF.

Jadi, saya fikir tidak ada salah kalau kita minta *just the key elements. Not the actual*, memorandum tersebut. Itu pada pandangan saya lah untuk melengkapkan laporan ini. Ini kerana kalau tidak, seolah-olah kita beri rekomendasi dan *to be fair* kepada MOF, Dato' Asri bin Hamidon dan *team* yang telah memberikan maklum balas yang agak baik.

Jadi, saya pintalah *because this is the second time we are asking*. So, tidak perlulah memorandum itu *in entirety* tetapi kandungan utamanya.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan *take note all comments* daripada PAC dan kita akan masukkan ke dalam Memorandum Jemaah Menteri yang kita akan bentangkan. Cumanya, sama ada kita –Kita tiada halangan untuk kita bagi *gist of* kita punya memorandum but kita perlu semak dahulu dengan bahagian undang-undang. Kalau dibenarkan, kita tiada halangan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *On looking back at this subsidy programme which is good for domestic household lah ya? Household. I think, the–* Saya bertanya dengan Jabatan Audit Negara tadi. *How do they come up to that RM2.1 billion leakage ya? It just as easy as I think final number of household and the average uses of the LPG? Say per month or whatever and compare that with the price and banding dengan how much MOF bayar, contohnya. It's quite easy.*

*So, all the while we have been stating that the recipients of all household, I think we should limit to that and if you want to add a few more groups it's just like, you know, the B40 kind of small businesses, pasar malam or pasar tani yang memerlukan gas, contohnya kan?*

*Then, I think after a while I think we can see if it is done correctly and if can manage with the penyeludupan. I think we're home. So, hopefully the survey by KPDNHEP itu can be hasten, you don't need that long and we can come up with proper MJM and get things going. I think by the next Audit Report, you can see big drop, for example. Kalaupun ada ketirisan, tidaklah sampai RM1.7 billion. It's a lot. My two cents, ya.*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Ia perkataan 'domestic' itu was used memang sudah *in used, is it?* Domestik itu?

**Dato' Asri bin Hamidon:** Yes.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] macam-macam nama sudah.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** So, domestik ertinya untuk kegunaan dekat rumahlah kan? *Domestic household* kan? Untuk di dalam rumahlah kan? *Domestic. Do what domestic, it could not being used in the house* lah kan? Tidak akan boleh pula kita kata ia kena buat untuk restoran, hotel dan sebagainya, *that is no longer domestic. I mean, once it is outside the household punya usage, it cannot be subsidized. It's simple as that.* Bukan kah?

**Tuan Pengerusi:** Correct.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** *To me* lah kan. Yang hendak buat *study and* aku tidak faham. [Ketawa]

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Unless the word...*

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Unless, unless the word 'domestic' here is home compared to oversea. Domestic and oversea.* Itu...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Akan tetapi, I tidak fikirlah kan. *Why should we be giving outside* kan? Itu seludup *that's already illegal.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Maksudnya *anything, any use, any use within the country is domestic.* Keluar penyeludupan. *If that is the definition, then probably we have to have a proper definition, but I was informed 'domestic' here refers to as what you said 'household'.*

**Tuan Pengerusi:** *Household.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *So, we stick to that* lah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** AGC ada komen tentang kelulusan, *the gist of the MJM.* Kalau sudah ada *clearance, it is easy for us.*

**Cik Fatin binti Mohd Noor [Peguam Persekutuan]:** Itu pun saya setuju dengan MOF. Ia akan kena *refer* dulu kerana PUU sebab saya pun hendak cakap setakat mana dia boleh, dia boleh dedahkan itu pun susah. Akan tetapi, memang secara biasanya memang MJM, kandungan MJM itu memang tidak boleh didedahkanlah sebab ia rahsia.

Akan tetapi, kalau boleh mereka *go through* dengan bahagian undang-undang untuk tentukan setakat mana ia boleh dedahkan, itu lebih baiklah untuk tentukan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, dari MOF atau Encik MA. Sivanesan tadi ada kata hendak sambung untuk bahagian cukai. Ada maklumat ataupun pembentangan? Ada?

**Encik MA. Sivanesan:** Ya, saya rasa itu saja Tuan Pengerusi. Kita sudah *update* semua syor tadi.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Encik MA. Sivanesan:** Melainkan ada apa-apa pertanyaan lain, kita boleh memberi maklum balaslah.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Encik MA. Sivanesan:** Kalau untuk pengetahuan tambahan, saya boleh bagi sedikit maklumatlah *instead*. Jumlah subsidi LPG tahun lepas adalah sebanyak RM1.675 bilion. Itu yang terkini dan mungkin tidak ada dalam laporan sebab yang tahun lepas tahun 2019, mungkin tidak ada. Tahun ini, setakat bulan September, jumlah subsidi LPG adalah sebanyak RM1.053 bilion, untuk maklumanlah.

**Tuan Pengerusi:** Wang pada tahun 2018, jika kita hendak bandingkan?

**Encik MA. Sivanesan:** Tahun 2018 sebanyak RM2.198 bilion.

**Seorang Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Pengerusi, minta maaf saya lambat tadi.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Oh, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Saya baru baca tentang rumusan PAC *regarding on* tiada kajian penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri. *Is it until now* tidak ada pecahan? Ini sebab saya biasa dengan isu kes LPG ini terutama sekali dekat Sarawak. Penyalahgunaan subsidi. Saya rasa pun Sabah pun saya pernah buat kajian tentang kos *transportation* yang melampau dimasukkan ke dalam kos tuntutan subsidi ini.

Juga, kita kena lihat juga pihak kementerian yang akan meneruskan program subsidi ini. Kalau contohnya di Sarawak, di tempat Yang Berhormat Menteri sendiri, di Kapit, terdapat berlakunya perubahan besar daripada segi *transportation* dari ekspres sungai kepada jalan raya.

So, kita pihak kementerian kena lihat betul-betul. Macam sama juga dengan proses di Ba'kelalan, tempat mantan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Jalan sudah ada, sedia ada tetapi masih lagi *claim* itu berdasarkan sungai. Seolah-olah pihak kementerian tidak pernah *update* pun polisi juga dan dasar berkenaan tentang *transportation*. Itu yang saya lihat kepincangan.

Juga, saya ingin mengetahui, berkenaan tentang adakah pemantau harga ini masih wujud atau tidak? Adakah pemantau harga ini berkesan dalam mengenal pasti penyalahgunaan subsidi? Ini kerana yang saya tahu, pemantau harga ini dihantar ke setiap Parlimen untuk memantau dan juga melihat harga-harga barang. Adakah wujudnya lagi petugas ataupun pegawai pemantau harga ini dalam kementerian?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Saya rasa persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang itu sangat penting.

**Beberapa Ahli:** [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Yang Berhormat Sibuti

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Yang Berhormat Sibuti. *Sorry*, Yang Berhormat Sibuti. *Sorry*. Member baru jangan marah. Saya hanya hendak tekankan hari ini kerana kita amat hargai wakil MOF, Dato' Asri bin Hamidon datang ya untuk menjelaskan.

Akan tetapi, kalau boleh dimaklumkan juga kepada KPDNHEP keperluan bagi mereka juga datang memberikan maklum balas kenapa. Ini kerana kebanyakan daripada saranan yang kami bawa tidak semestinya dilaksanakan, satu.

Keduanya, kesukaran untuk kami dapatkan *the actual content* memorandum itu akan memuatkan sama – Supaya kita tahulah sama ada diterima dan ditolak apa pun dan keputusan KPDNHEP untuk menjalankan kajian yang akan selesai atau siap di dalam tempoh masa yang sangat panjang lagi.

■1520

Jadi saya minta jasa baik MOF untuk maklumkan *this session* maklum balas tidak akan selesai sehinggalah KPDNHEP datang untuk memberikan penjelasan, bukan sahaja MOF. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Tadi saya telah dapat penjelasan daripada sekretariat. Sekretariat sememangnya menjemput kedua-dua kementerian tetapi untuk KPDNHEP mereka kata *everything already been given to MOF, so for MOF to present. So, that was what told to us but anyhow of course* kita berterima kasih ke atas kehadiran Dato' KSP dengan Encik Sivanesan. Selepas ini *I think we still have a lot of questions for KPDNHEP, we will not accept especially when...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *MOF is very busy, you know.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, *that's why. So, especially when we have so many questions to them. So we will be issuing notice to them to get them to come and* dalam mesyuarat yang akan datang saya berharap pihak MOF pun akan menghantar wakil. *Maybe if KSP is stucked with his schedule, so I think KSP you can excuse yourself* untuk mesyuarat nanti. *Maybe we need Encik Sivanesan to be here to represent MOF. Of course, if KSP wished to be here, then that is most welcome-lah.*

Cuma *I think* hasrat PAC adalah jelaslah supaya kita tidak mahu apabila kita bentangkan laporan maklum balas ini, *next year* isu yang sama masih berbangkit lagi. *So, because* kita pun sakit hati tahu apabila tengok, nampak *RM1.7 billion lost just like that. So, these are some of the issues of our concern-lah. I hope the MOF can understand. So, is there anything else from the members?* Yes, Yang Berhormat Pagar.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Sibuti tadi. Kalau boleh setiap negeri itu kita ada berapa yang sudah di-*spent* untuk subsidi ini. Kalau boleh *based on Parliament* lagi senang. Fasal kita kan, kita tahu siapa orang-orang di tempat kita itu. Jadi apabila kita tahu, jadi senang. Takkanlah tiba-tiba tahun ini dia dapat begini, tahun depan melompat pula subsidi di sana. Jadi *it's something which is unreasonable* itu yang kita mahu tahu itu. Jadi itulah kalau boleh negeri dan kalau boleh Parlimen, *by Parliament basis*. Itu yang paling baik.

**Encik MA. Sivanesan:** Kita akan sampaikan pada KPDNHEP Yang Berhormat. Cuma kalau diizinkan saya ingin memberi sedikit maklum balaslah berhubung dengan satu persoalan yang dibangkitkan sebentar tadi berhubung dengan kos pengangkutan— mod pengangkutan yang berbeza tadi. Sebenarnya bagi tujuan pembayaran subsidi, kita tidak pergi ke *level* itu bagaimana ia diangkut di sungai dan sebagainya. Ia mengikut satu formula yang telah pun ditetapkan, cuma kadar ia berbeza di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Itu sahaja bezanya tetapi dia *standard across*. Jadi syarikat-syarikat pembekal ini telah pun mengambil kiralah apa jua mod dalam itu. So, ia tidak memberi kesan kepada pembayaran subsidi. Itu kita guna satu formula yang sama melalui formula APM.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni:** Saya hendak tambah mungkin luar daripada konteks *but still related* dengan LPG ini. Macam tahun depan Sarawak akan mengeluarkan sendiri LPG kerana kita telah mengambil alih pengedaran gas di negeri Sarawak melalui PETROS. Saya juga pun ada *question* itu sebab negeri saya, tempat sayalah Miri itu kita orang guna gas bawah tanah. *Is there any*— adakah subsidi itu pun diletak juga dekat sana? Sebab saya tengok benda itu banyak dekat peniaga-peniaga dobi. Sebab itu saya tengok ada berlakunya ketirisanlah. Sebab dekat rumah kita pakai gas tanah, *our natural gas* lah, *piping grid gas* tetapi *still* ada LPG ini banyak juga diedarkan di bahagian Miri itu, contoh dia.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Bagaimanakah pula yang dari Sabah dihantar ke Bintulu itu? *[Ketawa]*

**Dato' Asri bin Hamidon:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Segala komen kita akan *take note* dan saya rasa *since* kajian ini masih belum kita laksanakan lagi, so kita akan *review* balik *in terms of the formula and we have to anticipate the whole comment from the PAC and also other comments from the people outside there*.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Saya hendak tanya ya. *Out of the RM1.7 billion subsidies* itu, *do you know how many percentage actually* yang kita kehilangan sebenarnya? *Because* memang sebahagian daripada subsidi itu memang *correctly been given* lah kan *to the correct* kumpulan sasar kan. Sebahagian itu...

**Tuan Pengerusi:** Ketirisan dia RM1.7 bilion.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Ketirisan itu macam mana *you* kita ketirisan itu?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tadi sudah sebut tadi. Tadi audit sudah sebut ketirisan itu. *This is three years* punya ketirisan, RM1.7 bilion ini.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Yalah macam mana dia...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tiga tahun *based on the number of household and the average used per month and multiply by the cost of gas. So, you get that number. By right it should be this amount, but the government is spending for example in one of the years RM2.1 billion.* Kalau *average* kan tiga tahun RM2.1 billion itu, RM6.3 billion. Out of RM6.3 billion ini RM1.7 billion was ketirisan. Ertinya *for every year ketirisan is about RM550 million.*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Akan tetapi saya hendak tahu bagaimana dia *come out with that figure when you don't even have the definition of you know...*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Household, household ada.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** ...*Your* kumpulan sasar itu.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *I think household ada number itu.*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** *Exactly.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Audit.

**Tuan Pengerusi:** Ya, audit.

**Encik Marzuni bin Muhamad [Pengarah Audit Prestasi Bahagian III, Sektor Audit Prestasi]:** Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam konteks laporan audit, golongan sasar itu adalah isi rumah, kita *based on* isi rumah. Itu *that's why* kita *come out* dengan *figure* tadilah. [Disampuk] Ya. Akan tetapi definisi golongan sasar itu belum didefinisikan oleh pihak KPDNHEP lah.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Encik Marzuni bin Muhamad:** Yes, *based on* audit punya *opinion* golongan sasar ialah isi rumah, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** So, audit *based on* isi rumahlah. So, ambil purata setiap isi rumah pakai berapa *and so on.*

**Encik Marzuni bin Muhamad:** Ya, dia ada kadar setahun untuk isi rumah luar bandar dengan dalam bandarlah dan kita *times* dengan bilangan isi rumah tadi. Perbezaan antara subsidi yang diberi oleh kerajaan dengan pengilang tadi, itu yang *different.* Itu yang menyebabkan ketirisan berlaku untuk tempoh tiga tahun.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Any other questions kepada MOF daripada ahli-ahli?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *That's why with my simple calculation tadi dengan data yang Mr. Sivanesan put up tadi, it looks like after this case was brought up to PAC, we spent about RM1.7 billion last year.*

**Tuan Pengerusi:** *RM1.7 billion.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *RM1.75 billion.*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *RM1.75 billion and this year up to now is about 1.0 something. That means to say kalau ikut simple calculation-nya the PAC punya gegar-gegar ini sudah working lah, so... [Ketawa]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** PKP lah.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** PKP.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Well...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tidak apalah sebab dia sudah puji PAC, okeylah.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Bukan hendak puji tetapi ertinya *when you highlight certain thing and people start to inilah.*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Even better of course you can get, exactly.*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada apa-apa lagi tidak daripada ahli-ahli? So sekiranya tidak, bagi sesi maklum balas pada petang ini kita akan habiskan di sini dan kita akan menjemput KPDNHEP untuk hadir bersama dan sila Dato' KSP untuk *arrange*-kan wakil daripada MOF untuk hadir sekali. So, dalam masa dua minggulah, dalam masa dua minggu. Okey, sekian daripada saya dan terima kasih barisan pegawai-pegawai daripada MOF, *ex-officio*, sekretariat dan ahli-ahli sekalian. *Thank you.*

**Dato' Asri bin Hamidon:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Dato' Asri kerana mengambil serius, Mr. Sivanesan mengambil serius dan kami amat hargai daripada peringkat PAC.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.29 petang]**



MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (*HANSARD*)

Isnin, 23 November 2020

MESYUARAT  
**JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN  
ISU: Pengurusan Subsidi Gas Petroleum Cecair (LPG)

PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**ISNIN, 23 NOVEMBER 2020**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]  
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]  
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]  
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara (JAN)**

Encik Mohd Marzuni bin Mohd Muhamad [Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi III)]  
Puan Halimatun binti Abu Bakar [Juruaudit Sektor Audit Prestasi, Seksyen Penyelarasan Laporan & Seksyen Pentadbiran dan Sokongan]

**Jabatan Peguam Negara**

Encik Abd Aziz bin Engan [Peguam Kanan Persekutuan]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Salwa Muharam [Timbalan Pengarah BPMP, KPKPJ]  
Encik Kamarulzaman bin Ahmad [Pegawai Siasatan SPRM]  
Puan Nor Faemah bin Ismail [Pegawai Siasatan]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Lailatul Fadzillah binti Ideris [Ketua Penolong Pengarah WA52 (KUP)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Ybrs. Dr. Mohammed Shahrin bin Umar [Pengarah Bahagian Tenaga]

**Kementerian Kewangan (MOF)**

Encik Abd Razak bin Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Dasar dan Perancangan Strategik) (Strategi Korporat dan Komunikasi)]  
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Unit Kawalan LKAN & PAC) (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi (CSC))]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

**SAKSI****Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman [Pengarah Penguatkuasa]  
Encik Amran bin Ahmad [Ketua Sektor Barang Kawalan & Subsidi]

**Kementerian Kewangan (MOF)**

Encik Ma. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai]  
Encik Kamarul Ariffin bin Zakaria [Ketua Penolong Setiausaha]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Isnin, 23 November 2020

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.32 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, salam sejahtera, selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa PAC. Selamat datang juga saya ucapkan kepada ke semua ex-officio AGC, JPA, JAN, MOF, SPRM, Jabatan Akauntan Negara dan juga Unit Perancang Ekonomi, JPM. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat ini.

Pada pagi ini PAC Parlimen akan mendengar pembentangan maklum balas lanjut daripada KPDNHEP berhubung dengan pengurusan subsidi gas petroleum cecair iaitu (LPG). Hadir di hadapan Jawatankuasa ini adalah Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad; Ketua Setiausaha KPDNHEP dan Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman; Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP. Terima kasih kerana menghadiri mesyuarat PAC pada pagi ini.

Ini adalah mesyuarat kedua yang membabitkan tindakan susulan pegawai pengawal terhadap berkenaan dengan isu LPG selepas kita mendengar penjelasan daripada Dato' Asri Hamidun KSP dan juga Encik Ma. Sivanesan; Setiausaha Bahagian Cukai MOF pada 11 November yang lalu.

Walau bagaimanapun Dato' Sri pada pagi ini tidak hadir tetapi Encik Ma. Sivanesan hadir bersama dengan kita sebagai wakil kepada KSP. Untuk makluman semua, laporan berhubung isu ini dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Disember 2019 dengan prosiding diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 4 September 2019 dan 16 Oktober 2019. Manakala *housekeeping* atau penyediaan laporan diadakan pada 19 November. Isu pengurusan subsidi gas petroleum cecair ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 Siri 1. Selepas mesyuarat ini tamat, saya juga memohon supaya Ahli-ahli PAC boleh terus berada dalam bilik mesyuarat untuk kita mengadakan mesyuarat verifikasi untuk tiga laporan yang sudah kita muktamadkan. Semua saksi dan ex-officio boleh meninggalkan bilik ini dan menikmati jamuan makan.

Tanpa membuang masa eloklah kita teruskan dengan pembentangan daripada KSU KPDNHEP berhubung tindakan susulan pegawai pengawal terhadap pengurusan subsidi gas LPG ini. Dipersilakan Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam.

10.34 pg.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh; Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun; Naib Pengerusi seterusnya Ahli-ahli PAC dan juga para hadirin yang saya hormati sekalian.

Saya Datuk Seri Hasnol Zam Zam bin Ahmad; KSU Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pada hari ini saya akan memberikan penjelasan berkenaan dengan status satu daripada enam syor PAC yang telah dikemukakan iaitu perkara tiga yang berbunyi, "*MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang diseludupkan ke luar negara*".

Jadi sebelum saya meneruskan bersama saya pada hari ini di sebelah kanan ialah Encik Amran bin Ahmad iaitu Pegawai Kanan Sektor Barang Kawalan & Subsidi dan di sebelah kiri saya adalah Dato' Iskandar Halim bin Sulaiman; Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli mesyuarat serta hadirin sekalian, seurus selepas mendapat arahan daripada PAC iaitu syor untuk melaksanakan kajian, KPDNHEP telah mengambil tindakan-tindakan susulan yang terdiri daripada dua komponen utama iaitu komponen yang pertama adalah untuk mereka bentuk kajian tersebut bersama-sama dengan industri dan juga pihak-pihak yang mempunyai pengetahuan tentang industri LPG. Dan bahagian ataupun komponen yang kedua adalah proses perolehan yang perlu dilalui untuk melantik pihak perunding yang akan menjalankan kajian tersebut.

Jadi inilah dua perkara utama yang berlaku sejak PAC mengeluarkan syor pada 10 Disember yang lepas pada 2019 dan pada hari ini syarikat yang akan melaksanakan kajian telah pun dilantik dan surat setuju terima telah pun dikeluarkan pada 20 November 2020. Syarikat mempunyai tempoh sehingga tujuh hari untuk menjawab surat setuju terima tersebut. Kos projek adalah sebanyak RM500,000 digunakan melalui penjimatan bajet kementerian sedia ada. Sedikit sebanyak situasi COVID-19 di dalam negara pada tahun 2020 telah mengganggu kelancaran penyediaan ataupun reka bentuk projek dan juga proses-proses lain yang berkaitan dengannya.

Jadi Yang Berhormat dengan izin saya jemput Encik Amran untuk memberikan perincian perkara-perkara dan tindakan yang telah diambil berkaitan dengan kajian ini. Silakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya silakan.

**10.37 pg.**

**Encik Amran bin Ahmad [Ketua Sektor Barang Kawalan & Subsidi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Seri, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati. Pada pagi ini saya ingin memfokuskan sebagaimana apa yang telah dilaporkan oleh Jawatankuasa PAC sebelum ini berkaitan dengan isu yang berkaitan dengan MOF dan KPDNHEP perlu membuat kajian terperinci mengenai penggunaan gas LPG mengikut pecahan negeri, kategori serta jumlah pengguna dan juga gas LPG bersubsidi yang diseludup ke luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, KPDNHEP akan melaksanakan kajian menggunakan peruntukan belanjawan mengurus sebanyak RM500,000 dalam tempoh kajian ini akan mengambil masa selama dijangkakan enam bulan. Jadi fokus kajian ini adalah berkaitan dengan yang pertamanya adalah tentang penggunaan sebenar LPG secara terperinci mengikut kategori pengguna iaitu golongan isi rumah dan juga industri, saiz dan kategori LPG, lokasi, daerah dan negeri serta strata, sama ada di bandar ataupun di luar bandarlah.

Jadi yang ini kita hendak melihat sama ada penggunaan di bandar lebih tinggi ke, lebih rendah ke, di mana lebih tinggi ataupun sebagainya lah, ini lah tujuan kita untuk menjalankan kajian ini. Kemudian, yang keduanya adalah fokus yang kedua adalah maklumat terperinci berkenaan ketirisan subsidi dan penyeludupan LPG serta cadangan langkah-langkah mengatasinya. Dan fokus yang ketiga adalah cadangan penambahbaikan kepada pengurusan subsidi LPG. Jadi setelah kita menjalankan kajian ini, apakah cadangan-cadangan penambahbaikan bagi mengelakkan perkara-perkara seperti ketirisan, seperti LPG bersubsidi ini mungkin tidak mencapai kepada golongan sasaran ataupun sebagainya.

Jadi ini adalah antara tiga fokus yang kita gariskan dalam kajian yang akan kita laksanakan. Jadi sebaik sahaja KPDNHEP menerima Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Tahun 2019 bertarikh 10 Disember, KPDNHEP telah membuat sesi libat urus bersama sekretariat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara, syarikat pembekal LPG dan beberapa prospek syarikat perunding untuk merangka skop dan terma rujukan kajian secara komprehensif.

**■1040**

Namun begitu, tatacara perolehan selanjutnya tertangguh berikutan dengan pelaksanaan PKP lah, PKP yang pertama itu, tiga bulan. *First time* kita merasa PKP lah kan. Jadi masa itu tiada pengalaman, jadi terganggu lah sementara. Jadi, PKP yang pertama kali sejak dari darurat dahulu sampai ini, baru merasa pertama kali lah. Jadi, terganggu sedikitlah

dengan PKP itu. Walau bagaimanapun, setelah tamat tempoh PKP dalam tempoh PKPB dan sebagainya ini, kita sambung baliklah proses-proses yang selanjutnya.

Kemudian, selanjutnya kita telah – proses pengurusan dan perolehan telah bermula pada Jun 2020. Kemudian kita teruskan dengan proses lantikan perunding. Dia mengambil masa sedikitlah dari tempoh penyediaan terma rujukan, tawaran kepada perunding dan penilaian perunding. Kemudian, penyediaan terma rujukan dan teknikaliti kajian yang perlu diteliti sebelum dokumen pelawaan dikeluarkan.

Seterusnya, proses perolehan telah bermula pada Julai 2020. Namun begitu, disebabkan isu teknikaliti dan perubahan keputusan pertimbangan semasa penilaian perolehan dibuat, jadi proses pelantikan perunding telah berlanjutanlah melebihi daripada tiga bulanlah. Jadi, walau bagaimanapun, dalam mesyuarat Jawatankuasa perolehan-perolehan itu yang telah bersidang sebanyak dua kali – dua atau tiga kali begitu. Jadi, akhirnya kita telah memuktamadkan dan kita telah mengeluarkan surat pelawaan kepada syarikat perundingan, berjaya, yang dikeluarkan pada 30 Oktober dan Surat Setuju Terima telah juga dikeluarkan pada 20 November 2020.

Jadi, sebagaimana Yang Berhormat lihat di dalam carta alir itulah, dalam carta alir itu, kita boleh melihat tempoh masa yang berlaku untuk kita sehingga keadaan sekarang inilah. Itu yang pertamanya, 21 Februari hingga 10 Mac, penyediaan *terms of reference*, anggaran kos perkhidmatan perunding, dokumen pelawaan dan perakuan oleh agensi. Kemudian pada 16 Julai, pelantikan ahli JPP. Kemudian pada 24 Julai, mesyuarat JPP. Keputusan JPP ialah memuktamadkan *terms of reference*. Kemudian, perincian kos sebanyak RM500,000, penilaian empat syarikat perunding dan seterusnya pada 5 Ogos yang berkaitan adalah mesyuarat Lembaga Perolehan KPDNHEP. Seterusnya pada 13 Ogos adalah mesyuarat JPP Bil. 2. Kemudian pada 26 Ogos, mesyuarat Lembaga Perolehan Bil. 6. Kemudian pada 25 September, mesyuarat JPP. Kemudian, mesyuarat pada 22 Oktober adalah diteruskan dengan mesyuarat Lembaga Perolehan KPDNHEP Bil. 7. Seterusnya, meluluskan syarikat yang berjaya. Kemudian pada 30 Oktober, kita mengeluarkan surat pelawaan kepada syarikat perunding yang berjaya. Pada 13 November, syarikat telah mengemukakan kertas cadangan teknikal dan kos secara serahan tangan dan mesyuarat pada 18 November, mesyuarat JPP membuat penilaian cadangan teknikal dan kos daripada syarikat perunding. Dan pada 20 November, kita telah mengeluarkan Surat Setuju Terima sehingga ke hari inilah.

Jadi, kajian ini akan mengambil masa yang kita jangkakan bermula pada Januari 2021 dan dijangka berakhir pada Jun 2021, dijangka berakhir. Pada minggu yang pertama Yang Berhormat, jika saya boleh terangkan sedikit garis masa pelaksanaan kajian penggunaan LPG di Malaysia dan impak rasionalisasi subsidi LPG. Pada minggu yang pertama Januari 2021, kita memulakan kerja. Dan minggu kedua, laporan interim dikemukakan. Dan minggu

yang ketiga, laporan akhir dan ringkasannya. Minggu kedua Januari dan seterusnya, adalah laporan insepri. Dan minggu keempat iaitu Mei, draf laporan akhir yang perlu dikemukakan kepada kementerian.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Dato', Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, setakat itu proses yang berjalan sehingga ke hari ini dan kita hanya menunggu masa untuk kita melaksanakan kajian itu. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Encik Amran, terima kasih atas pembentangan yang amat terperinci tadi. So, kita *expect* seperti yang diberitahu oleh pihak MOF kepada PAC pada minggu lepas atau dua minggu yang lepas, kita *expect* kajian ini akan siap pada suku ketiga tahun 2021. So, soalan saya seterusnya adalah setelah kajian disiapkan, apakah *timeline* daripada kementerian untuk pihak kerajaan melaksanakan *findings* ataupun rumusan-rumusan dalam kajian ini khasnya berkenaan dengan definisi golongan bersasar, *the targeted group*. Definisi *the targeted group* dalam isu LPG ini. So, kerana kita difahamkan MOF sudah pun menyediakan Memorandum Jemaah Menteri sebelum ini dan telah pun ditangguhkan kerana kena tunggu kajian ini. Sekiranya kajian ini disiapkan pada suku ketiga tahun hadapan, maka *what is the timeline after that for the whole thing to be implemented? So, that is the first question.*

**Encik Amran bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa MOF telah menyediakan MJM untuk dibawa kepada Kabinetlah bagi membuat keputusan sama ada adakah LPG ini wajar kita sasarkan kepada golongan-golongan tertentu ataupun sebaliknya lah ataupun seperti mana yang sedia ada sekarang ini yang kita laksanakan ataupun sebagainya. Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk kita mengemukakan cadangan *paper* MJM ini, *of course* lah, saya berpandangan bahawa kita perlu mempunyai bukti-bukti ataupun *facts* yang kukuh untuk kita sertakan di dalam MJM. Maka dengan sebab itu, kita menjalankan kajian. Jadi, sebaik sahaja kita menerima laporan kajian itu, *immediately* lah kita akan kemukakan cadangan itu kepada kerajaan sama ada LPG ini sesuai dilaksanakan kepada golongan yang bersasar sahaja ke ataupun semua orang boleh menikmati subsidi ini ataupun mungkin ada cadangan lain seperti hanya golongan tertentu dengan penggunaan sistem ataupun sebagainya. *It is immediately* lah sebaik sahaja kita menerima laporan kajian ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Encik Amran, saya nak bangkitkan *concern* daripada PAC. Tadi Encik Amran memang kata selepas kajian ini *settle*, mungkin selepas itu boleh dibentangkan kepada kerajaan. Akan tetapi bagi pihak kami, kementerian hendaklah mempunyai satu *timeline* yang amat serius. Katakan *half a year* ataupun setahun daripada akhir kajian ini kita hendak melaksanakan sesuatu yang baharu untuk memastikan bahawa ketirisan daripada

segi subsidi tidak akan berlaku lagi. Daripada apa yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dari tahun 2015 sampai tahun 2017, *total* ketirisan adalah sebanyak RM1.717 bilion *and that is a very big sum. Are we just allowing this ketirisan to continue pending the kajian, I think that is something that PAC do not want to see. That is number one.*

*Number two*, apabila kajian ini dijalankan, pada masa yang sama, *can we have something interim or not? Interim definition or whatsoever*, untuk memastikan bahawa dalam masa sekarang sampailah mungkin tiga tahun lagi, *the new policy is being set up*. Dalam tiga tahun ini kita ada satu polisi interim antara yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan *especially* antara MOF dan juga KPDNHEP untuk memastikan bahawa ketirisan ini sekiranya tidak boleh habis langsung pun, *at least* boleh dikurangkan. So, itu pandangan daripada saya dan soalan. *We are looking at the timeline actually*, Yang Berbahagia Datuk Seri.

**Encik Amran bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Dalam pandangan saya, tempoh kajian ini, sebaik sahaja kita menerima laporan daripada hasil kajian yang dibuat, kita menjangkakan bahawa dalam tempoh enam bulan lah Yang Berhormat, untuk kita mengemukakan, memperhalusi cadangan-cadangan daripada kajian yang telah dijalankan ini.

#### ■1050

Jadi apa yang berlaku dalam tempoh enam bulan, saya rasa itu mungkin lebih kepada isu penguatkuasaan lah untuk kita memastikan ketirisan-ketirisan itu tidak berpanjangan, contohnya. Memang dilaporkan bahawa ada ketirisan yang berlaku dan sebagainya. Ada golongan yang tidak sepatutnya menikmati subsidi-subsidi ini tetapi masih terus menikmatinya sehingga ke hari ini. Tetapi yang itu penguatkuasaan sentiasa berjalanlah dari semasa ke semasa dan banyak perkara-perkara yang telah kita ambil tindakan seperti terhadap industri-industri yang menggunakan subsidi-subsidi LPG inilah. Saya percaya di peringkat Yang Berbahagia Dato' Iskandar sentiasa melakukan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi membendung ketirisan ini Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *So, we are looking for six months from the date of the kajian.* Okey, Yang Berhormat Permatang Pauh sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga Datuk Seri Hasnol dan Encik Amran ya, ketiga-tiganya. Semasa PAC melakukan kajian dan juga soal balas, kita dapati perjanjian asal ataupun *the terms of reference* agak longgar. Hanya lima syarikat pembekal kalau tidak silap saya...

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Enam.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Enam ya, enam yang diberikan untuk membekalkan subsidi. Jadi ini merupakan satu usaha yang sangat penting. Saya hargai di peringkat kementerian. Hanya memandangkan langkah pertama susulan daripada maklum balas PAC

adalah Memorandum Jemaah Menteri yang belum dibentangkan, walaupun kandungannya tidak kami dapati, merangkumi kerahsiaan dan sebagainya. Persoalan saya kajian yang diputuskan ini adakah mengambil kira *in terms to the terms of reference*, kandungan yang akan diperincikan dalam memorandum tersebut.

Contoh, mana-mana memorandum akan menjurus kepada *the strategic directions*. Kita hendak perkara pertama, kita hendak perkara kedua sebelum kita turunkan menerusi kajian yang akan didorong oleh apa yang dimahukan di peringkat kementerian. So, itu penting ya, *the terms of reference*. So, *it is not just a basic open study* tetapi berkait dengan memorandum tersebut, satu.

Keduanya adakah langkah daripada peringkat kementerian akan meneruskan atau diteruskan dengan pindaan rang undang-undang. Maksudnya kajian tersebut sekali lagi yang kami tahu adalah nilai, dan alhamdulillah diambil daripada peruntukan pengurusan tetapi daripada segi skop. *I think right now* tidak banyak yang diperincikan *or maybe later* lah. So, terima kasih, itu soalan saya.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan tadi. Tentang MJM, kita di kementerian pun belum lagi melihat isi kandungan MJM yang disediakan oleh MOF. Walau bagaimanapun antara perkara-perkara yang turut kita masukkan adalah yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dikehendaki oleh PAC dalam syornya. Antara lainnya ialah berkaitan dengan definisi subsidi yang mana itu juga dimasukkan dalam sebahagian daripada skop kajian yang akan dilaksanakan. Kemudian setakat mana sektor-sektor yang patut dipertimbangkan untuk diberikan subsidi di masa akan datang. Itu pun dimasukkan di dalam skop kajian.

Jadi, saya fikir walaupun kita belum melihat sendiri kertas MJM itu tetapi mengambil kira bahawa ini adalah tanggungjawab bersama di antara KPDNHEP dan juga MOF, maka apa-apa yang dikandungkan di dalam kajian ini adalah meliputi apa-apa yang perlu dibuat dalam konteks Laporan Ketua Audit Negara itu sendiri. Itu yang boleh saya berikan penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Datuk Seri berkenaan dengan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) itu ia ada menyatakan daripada apa yang dibentangkan kepada kami ia ada menyatakan berkenaan dengan definisi. *The definition, I think, is a key problem here*, yang mana ia menyatakan dan menetapkan golongan sasaran yang layak terima subsidi LPG adalah seperti berikut isi rumah dan kedua pengusaha kantin dan sebagainya. So, itu yang dimaklumkan kepada kami.

So, sementara kita menunggu pelaksanaan cadangan ini ataupun kelulusan cadangan ini dan pelaksanaan yang selepas ini, apakah definisi yang digunakan sekarang? *I think this question was raised during the proceeding as well*. So, *we got to be very clear*, sekiranya

Dato' Iskandar *said* penguatkuasa hendak laksanakan dan menjalankan kerja-kerja penguatkuasa pun, *what is the yardstick being used?* Siapa yang boleh pakai, siapa yang tidak boleh. *So, can we have explanation on that?*

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi yang pertama saya fikir kita boleh lihat daripada segi dua perspektif lah berkaitan dengan subsidi ini. Kedua-duanya berkaitan dengan definisi. Satu ialah siapa yang patut dapat subsidi dan ini sebenarnya luas dan kita boleh berbalik kepada prinsip subsidi itu sendiri. Jadi saya cuba apabila saya— *saya joined this ministry on the 1st February this year*, Yang Berhormat. *Jadi I'm in the middle of the whole thing.* Jadi apabila saya diperkenalkan dengan subjek ini, isu ini, maka saya cuba memahami apakah sebenarnya prinsip subsidi yang digunakan oleh kerajaan, bukan sahaja subsidi berkaitan dengan gas tetapi juga tepung, minyak masak dan sebagainya.

Jadi definisi ini berdasarkan dokumen yang pernah saya baca ia juga tidak menetapkan definisi ini daripada segi prinsipnya adalah untuk membantu mengatasi masalah *cost of living*. Jadi apabila kita katakan mengatasi masalah *cost of living* ia ada banyak dimensi. Satu ialah memberi subsidi kepada penduduk ataupun masyarakat yang memerlukan supaya mereka membeli barang-barang itu pada harga yang rendah. Kedua-duanya boleh juga mengatasi masalah *cost of living* dengan membolehkan masyarakat-masyarakat membeli barang-barang keperluan mereka pada harga yang rendah.

Contoh makan di restoran dengan harga yang rendah, beli goreng pisang di kedai Makcik Kiah tepi jalan, makan di restoran tomyam boleh murah, kedai mamak, roti canai boleh murah. Itu pun meliputi prinsip subsidi. Jadi saya fikir apabila kita bawa Memorandum Jemaah Menteri kepada kerajaan, kita juga akan menyentuh aspek prinsip subsidi ini. Kerana sekiranya kita hanya menghadkan subsidi ini kepada penerima, bagaimana pula dengan mereka yang memberikan perkhidmatan yang juga dengan adanya subsidi dapat memberikan perkhidmatan yang lebih *affordable* kepada rakyat yang disasarkan.

Jadi subsidi ini ia boleh *serve at least* dua objektif. Satu, rakyat membeli dengan harga yang murah, kedua rakyat mendapat perkhidmatan dengan harga yang murah. Jadi ini aspek yang kita akan perhalusi dalam kertas Jemaah Menteri tersebut Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *No, Datuk Seri, sorry. As at now, what is the yardstick being taken by KPDNHEP. Apakah...*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Kayu ukur.

**Tuan Pengerusi:** Kayu ukur.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Kayu ukur yang kita gunakan sekarang adalah untuk *household* sahaja dan kita melakukan penguatkuasaan kepada sektor-sektor lainlah seperti sektor perhotelan, sektor dobi, kedai makan dan sebagainya. Sebab itu

yang kita pegang pada satu prinsip ataupun aspek kepada subsidi ini adalah untuk golongan sasaran yang merupakan pengguna-pengguna isi rumah. Itu kalau kita hendak sempitkan definisi itu. *Moving forward* kita tidak pasti kita akan *advise* kerajaan tentang kesan definisi di masa akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya jemput Yang Berhormat Lumut selepas itu Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Seri. Jadi kita faham subsidi ini dimanfaatkan oleh *100 percent of the population because all of us are part of the household*. Jadi kiranya satu subsidi yang menyeluruh lah, cuma ada orang yang hendak tumpang iaitu Cik Kiah contohnya ataupun peniaga-peniaga yang lain, yang tidak termasuk dalam proses ini. Cantiklah kalau orang yang memberikan perkhidmatan dan menikmati ini dan dapat dimanfaatkan oleh pengguna kerana harga yang murah, *all too good* lah tetapi nampaknya kita tidak boleh hendak ukur perkara tersebut. *Unless in your coming survey ini you put that element, what is going to be the difference if we make it official for peniaga-peniaga ini mendapat subsidi. How much will the cost of living be reduce, which I am not sure whether it is part of the TOR of your consultant in the research.*

■1100

*But, I have my doubt if they can do that at the moment. So* saya merasakan untuk tempoh sejak 2019 *findings of the LKAN until the final part of the research*, pihak penguatkuasa harus *maintain* penguatkuasaan ke atas *the one and only official recipient of the subsidies* iaitu *household*. *So anything less than that, I think* kita rasa ia akan menjejaskan *function* ataupun objektif subsidi ini.

Saya juga ingin bertanya kepada Jabatan Audit Negara sama ada selepas audit yang mereka buat tahun 2007, 2018 itu ya, yang menyebabkan kes ini timbul, ada atau tidak audit selanjutnya dibuat? Paling tidak pun untuk tengok selepas didedahkan oleh Jabatan Audit itu, ada atau tidak ketirisan ini nampaknya berkurangan. Jadi kalau ada itu, itu pun salah satu cara juga untuk kita menguatkuasakan subsidi ini. Kalau tidak ada, saya hendak mencadangkan juga supaya Jabatan Audit, *look into it again and see after one or two years, after the first audit report, is there any effect on the action by KPDNHEP*. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi kalau saya boleh. Di dalam skop kajian ini juga dimasukkan ialah berkaitan dengan mengkaji impak rasionalisasi subsidi LPG terhadap tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (i) kos sara hidup;
- (ii) kos pengurusan entiti kerajaan;
- (iii) tanggungan subsidi kerajaan; dan
- (iv) kesan terhadap Indeks Harga Pengguna.

Jadi itu pun dimasukkan di dalam skop kajian ini dan kita akan dapat pandanganlah daripada kajian apa yang akan berlaku sekiranya kita ubah pemberian subsidi ini hanya terhadap kepada sektor *household* sahaja. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Seri di atas jawapan. Saya fikir hanya hendak menambah kerana Datuk Seri menjawab skop kajian mengikut saranan yang diberikan oleh PAC ya. Antara *findings* PAC bergantung kepada Ketua Jabatan Ketua Audit adalah ketirisan yang wujud. Maksudnya, *we are talking about* hampir RM2 bilion. Satu ketirisan yang juga dinikmati oleh dobi-dobi hotel terkemuka. Jadi rangkuman daripada definisi itu pada hemat kamilah, harus dikecilkan yang juga termasuk dalam *outcome* kajian. Kebimbangan saya bila kita tambah bab Indeks Harga Pengguna, *it is a never-ending story*, satu.

Keduanya, rungutan oleh para saksi dalam prosiding juga membangkitkan tidak silap saya bawah Kementerian Kewangan, mereka kena bayar tanpa had, tidak ada had siling daripada segi bila *claims* diberikan oleh mereka yang menuntut subsidi tersebut. Jadi bila tidak ada had, maksudnya berbilion akan terus dibelanjakan selagi ada tuntutan. Itu yang dibawa oleh pegawai. Jadi pada saya, walaupun kita faham kita kena kawal indeks harga dan sebagainya, tetapi takkanlah sampai ke tahap kerajaan harus mensubsidi harga barangan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang *profitable or profiting entities*. Jadi saya mahu tekanlah.

Apa-apa pun, kita kena sedikit *strict*. Bila hendak bagi kah, hendak bagi *cash transfers* itu hal lain. Itu maksudnya kita bagi kepada isi rumah bantuan kewangan. Ia berlainan daripada subsidi sebegini. Lebih-lebih lagi dalam hal Malaysia hendak menjadi sebuah *energy efficient*. Jadi pada saya, saya harap Datuk Seri dapat ambil kira juga kerana kalau tidak kami macam tidak berlaku adil kepada pihak yang membawa rungutan bahawa tidak ada had kepada *the demands and the claims for the subsidy*. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat, saya bersetuju dengan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat terutamanya tentang mekanisme dalam menentukan had tuntutan. Kalau dalam subsidi-subsidi yang lain itu kita ada kuota. *Maybe* 100 metrik tan, 200 metrik tan dan sebagainya. Jadi setakat itu sahaja yang boleh di ini ataupun tuntutan-tuntutan di *petrol-petrol stations* pun ada dia punya *cap* dia yang kita benarkan *especially* untuk stesen-stesen minyak di kawasan sempadan dan sebagainya untuk mengelakkan ketirisan.

Jadi saya fikir, saya setuju, *high time* untuk kita lihat semula mekanisme untuk menentukan kuota bagi memastikan pihak-pihak yang membuat tuntutan itu tidak melebihi kuota yang ditetapkan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Datuk Seri. Saya hendak bertanya berkaitan dengan juga lanjutan yang disebut oleh Yang Berhormat Lumut tadi, laporan selain daripada yang kita menunggu daripada syarikat yang kita telah lantik ini iaitu adakah pihak KPDNHEP juga membuat audit dalaman dalam tempoh – kalau dilihat dalam Laporan Audit ini yang berlakunya pada tahun 2015, 2017. Jadi ada kesenggangan masa. Ini bermakna – sekarang sudah 2018, 2019, 2020. Jadi sudah berlanjutan agak lama. Ini disebabkan dilihat dalam laporan itu juga, ada perkara-perkara yang langsung melibatkan penguatkuasaan termasuk yang disebut itu iaitu ada pembekal peruncit ini yang sudah pun luput kebenaran daripada segi lesen dia di bawah Akta Kemajuan Petroleum dan kawalan berjadual oleh KPDNHEP.

Juga disebut di dalam Laporan Audit ini, premis pemborong dan peruncit tidak mempunyai bukti pernah diperiksa oleh pegawai penguatkuasa. Jadi soalan saya tadi ialah maknanya adakah pihak dalaman KPDNHEP juga ada laporan khusus selain kita hendak menunggu laporan daripada syarikat-syarikat yang kita telah beri tanggungjawab ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Okey Yang Berhormat. Dengan izin saya jemput Dato' Iskandar, Pengarah Penguatkuasa untuk memberikan maklum balas. Silakan.

#### 11.06 pg.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman [Pengarah Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna]:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Seri KSU, Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Kita telah pun membuat *mitigation in terms of* mengurangkan ketirisan subsidi yang terpaksa dibayar oleh kerajaan. Apabila ada polisi yang jelas bahawa daripada Datuk Seri KSU bahawa LPG ini sepatutnya pada *household* sahaja.

So kita telah mengambil dua pendekatan berdasarkan pada *report* yang dibuat oleh pihak Audit, ada dua ketirisan yang berlaku. Pertamanya ialah di hotel dan yang keduanya adalah di dobi. So apa yang telah kita buat ialah kita telah pun membuat pemeriksaan untuk tahun ini dan juga pada tahun lepas, kita telah memeriksa lebih kurang 1,000 hotel untuk mengesan mereka yang menggunakan LPG bersubsidi ini. Apa yang kita dapati bahawa, bukan semua hotel menggunakan – daripada 1,000 itu bukan semua yang menggunakan gas bersubsidi. Ada yang menggunakan elektrik dan ada juga yang telah pun menggunakan LPG 50 kilogram yang tidak disubsidikan. Maknanya industri.

Untuk maklumat Yang Berhormat semua, untuk mana-mana peniaga ataupun pengguna menggunakan gas 50 kilogram itu yang disebut industri, mereka memerlukan

*proper piping*. Dia tidak boleh pakai macam yang *household* kita di rumah itu. Dia mesti *proper piping* dan kalau tidak *proper piping*, tekanannya sangat tinggi, akan menyebabkan kebakaran dan letupan. Ada *few cases* macam ada kes di Melaka, di Sarawak di mana *piping* nya tidak dibuat dengan betul, akhirnya terbakar dan meletup dan ada yang terkorban.

So itu antara pendekatan yang kita telah ambil. Contohnya hotel ya. Sebanyak 990 buah hotel yang kita periksa telah menggunakan LPG komersial, daripada 1,000 lebih itu. Itu kita buat pemeriksaan. Maknanya *slowly* pihak hotel pun sudah mula berasa bersalah menggunakan LPG bersubsidi dan mereka pun – ada juga hotel yang masih lagi tidak menggunakannya sebab baru-baru ini PKP, mereka banyak tutup dan kita telah buat pemeriksaan semula dan kita dapati bahawa hanya beberapa buah sahaja lagi yang masih belum menggunakannya. Itu pun kena sudah keluarkan amaran dan *follow up* esok. Kalau masih lagi tidak menggunakan LPG industri, kita akan ambil tindakan.

Dan yang kedua, berkaitan dengan dobi. Kita telah melaksanakan apa yang kita sebutkan sebagai Ops Ampai untuk membuat pemeriksaan di semua premis-premis dobi yang didaftarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. Sebab untuk pihak dobi yang komersial yang ada di kedai-kedai ini, mereka perlu mendapatkan satu lesen daripada Suruhanjaya Tenaga bagi membolehkan mereka beroperasi.

#### ■1110

So, kita telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Tenaga, dengan bomba dan juga PBT, kita telah *meeting* beberapa kali dan kita telah bersetuju bahawa kita ada KPI. Kalau boleh 705 premis ini kita hendak seboleh-bolehnya semua menggunakan LPG industri. Tetapi untuk membolehkan mereka menggunakan LPG industri itu, *proper piping* mesti dibuat dan mesti diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Kalau tidak lulus, mereka sebenarnya tidak boleh beroperasi. So, apa yang berlaku sekarang ini ialah oleh kerana PKP baru-baru ini, kita tidak boleh dapat sampai 705, so kita dapat dalam 300 lebih premis sahaja yang telah pun menukar seluruhnya kepada LPG industri. So, ini antara beberapa perkara yang telah diambil oleh bahagian penguatkuasa.

Selain daripada itu Yang Berhormat, setakat ini ya, pada tahun 2020 sahaja kita telah mengambil tindakan terhadap 208 orang peniaga dengan nilai rampasan berjumlah RM8.558 juta gas yang kita telah rampas. Dan selain daripada itu, ada beberapa juga syarikat-syarikat yang mencuri gas ini – Saya kata mencuri sebab dia beli gas subsidi 14 kilogram dan dia *transfer* kepada gas industri 50 kilogram. Dengan cara itu, mereka boleh membuat untung yang lebih besar. So, ini pun kita sudah ambil tindakan sebenarnya. Banyak sudah kita ambil tindakan dan bukan sahaja tindakan yang kita ambil bahkan mereka yang terlibat itu telah pun kita buka kertas siasatan juga di bawah AMLA, *money laundering* dan banyak *company-company* yang telah pun dibekukan akaunnya.

Bukan itu sahaja, orang yang menyewa tanah ataupun premis untuk membuat kesalahan mencuri gas ini pun kita ambil tindakan di bawah *money laundering* dengan membekukan akaun mereka dan kita kira balik berapa jumlah yang telah dibayar terhadap sewa kepada penyewa tersebut dan kita *collect* balik. *Alhamdulillah* setakat ini kita telah berjaya lah, ada *few cases* kita telah berjaya. Akhirnya tuan punya premis dan tuan punya tanah yang sewa kepada mereka yang membuat penyeludupan ini, penyelewengan ini membayar balik jumlah mereka, wang yang mereka telah dapat.

Itulah antara tindakan yang tegas yang kita telah ambil setakat ini dan *insya-Allah* tahun depan mungkin PKP sudah reda sikit kita akan *all-out* lagi. Tidak ada masalah. Memang kita membantu kerajaan daripada segi membanteras penyelewengan subsidi. Kita tahu ini duit rakyat dan kita pastikan bahawa ianya di belanja kepada benda yang betul. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih. Kapasiti kemampuan penguatkuasa yang ada, ada kekangan kah?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita penguatkuasa sekarang ini kita ada lebih kurang 2,300 orang pegawai sahaja di seluruh negara. Hendak jaga satu Malaysia di Sabah dan Sarawak, saya bawa kes di Sabah umpamanya di Tawau, tempat itu memang sangat terbuka untuk gas kita diseludup ke Pulau Sebatik. Pulau Sebatik ini ada 80,000 penduduk dan sebahagian besarnya adalah rakyat Indonesia. Mereka sebenarnya tidak ada bekalan gas pun dari Indonesia, yang ada cuma yang kecil, tiga kilogram memang tidak cukup dan mereka sangat memerlukan gas dari Malaysia. Inilah kesempatan yang diambil oleh penduduk di Tawau untuk penyelewengan, itu kes di Tawau.

Kes di Semenanjung pula kes yang paling banyak sekali diselewengkan ialah yang 14 kilogram dipindah kepada tong 50 kilogram, itu pun memang kita ambil tindakan dan tidak berhentilah pegawai kita ambil tindakan. Dan dari segi bilangan pegawai memang tidak cukup sebab hari ini ada isu harga bawang, KPDN kena hentam, dia kata pegawai penguatkuasa tidak pergi buat pemeriksaan. Sebenarnya kita buat pemeriksaan dan yang terjadinya harga bawang ini mahal sebab bekalan dari India telah pun dihentikan sebab India pun mengalami masalah bukan COVID-19, banjir. COVID-19, bawang jalan juga. *[Ketawa]* So, itu yang kita hadapi masalah.

Bukan itu sahaja, kita juga membuat pemeriksaan lain, barang tiruan, cetak rompak, harga pencatutan, ada orang jual harga barang mahal, pegawai-pegawai penguatkuasa kena siasat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Dato', penguatkuasa yang sukarela itu pun ada juga tambahan?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Tidak ada.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Memang tidak ada ya?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Sebab untuk mengambil tindakan ini mesti pegawai yang telah pun digazetkan atau diberi kuasa baru boleh sah kita punya tindakan. Kalau tidak yang jadi sukarela itu pemantau harga. Itu pun pegawai yang dibayar gaji oleh pihak kerajaan.

Kemudian kita juga memastikan dacing-dacing ini disahkan timbang sukat. So daripada segi kerja penguatkuasaan ini memang sangat banyak, pegawai memang tidak cukup. Syor PAC sebenarnya telah pun dibawa kepada pihak JPA. So, untuk makluman Yang Berhormat, kita penguatkuasa memang *all-out* akan membuat apa sahaja termasuklah mengambil tindakan tegas membekukan akaun peniaga-peniaga yang tidak betul ini, yang menipu ini dan kita dakwa mereka di mahkamah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Pengerusi, sebentar tadi Dato' Iskandar ada *mention* berkenaan tentang penyeludupan. Daripada konteks Sabah dan Sarawak, saya dari Sarawak kita melihat LPG ini kadang-kadang disalahgunakan dari segi penghantaran ke luar bandar. Pemahaman saya, kadang-kadang masyarakat di luar bandar itu *population-nya very small but claim* itu besar. Macam penghantaran itu tidak putus-putus.

*Then*, satu faktor yang saya nampak di sini didalam kajian ini kita kena lihat juga berkenaan tentang isu *relocation of* ibu negara Indonesia ke Kalimantan dan juga kita sudah tahu bahawa jalan perbatasan Indonesia telah siap sepenuhnya. Jalan-jalan perbatasan tersebut ada jalan *parallel* untuk menuju ke semua pintu masuk Sabah dan juga Sarawak. Saya juga melihat di situ adalah potensi tingginya ketirisan itu nanti. Saya setuju bahawa LPG ini adalah *one of the item* yang sangat-sangat diperlukan selain daripada tepung dan gula di Sarawak ini lah. Bukan Sarawak yang perlukan *but our neighbours* itu.

So, saya lihat kalau dapat dalam kajian tersebut melihat faktor ketirisan daripada penjualan kepada negara-negara luar ini patut dilihat. Itu pun adalah satu kerugian besar buat negara.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kita harus mengambil kesempatan apabila ibu kota Indonesia dipindahkan ke Sulawesi, kesempatan itu perlu diambil – eh Kalimantan, *sorry*.

Okey, LPG ini memang kalau di Indonesia *especially* di Kalimantan ini bekalannya memang dibawa daripada Pulau Jawa dan sebagainya. Kos mereka memang sangat tinggi.

So, inilah kesempatan yang patut kita ambil oleh pihak berkuasa negeri. Kita sudah memperkenalkan Tuan Pengerusi, gas LPG 14 kilogram yang tidak bersubsidi. Kita telah bagi ia warna yang sangat berbeza iaitu warna ungu. Kalau jumpa gas warna ungu kebetulan Petronas itu memang LPG 14 kilogram yang tidak bersubsidi. Berapakah harganya yang tidak bersubsidi? Lebih daripada RM50. Kalau di Sabah itu kita telah memperkenalkan di Tawau LPG 14 kilogram ini yang warna ungu ini tetapi harganya bila kita hantar ke sana oleh pihak pembekal, ia sampai dekat RM70 setong. Itu pun rakyat Indonesia sanggup beli.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Hendak *compare* dengan yang jiran kita berapa harga mereka?

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Lebih kurang yang sama sebab mereka tidak ada – mereka ada subsidi sikittah tetapi kita sebenarnya rakyat Malaysia menikmati harga subsidi yang sangat tinggi. Contohnya, kalau LPG kita yang harga RM26.60 itu tidak ada subsidi, harganya boleh mencecah sehingga RM52 lebih kurang macam itu lah.

**Seorang Ahli:** *Double ya, double.*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** *Yes double.* Sebab itu mereka memang *all-out* akan buat apa sahaja untuk mengeksport LPG kita. Tetapi *for* Sabah dan Sarawak, kalau betul menjadi realiti nanti orang Indonesia hendak menggunakan gas kita, letaklah 14 kilogram tanpa *subsidi is the only option* yang kita ada. *Why not*, ini peluang untuk rakyat kita berniaga dengan orang Indonesia dan kita sediakan fasiliti yang komersial yang tidak ada subsidi. Lagi banyak mereka jual, lagi bagus. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya tambah skop kajian tadi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila Datuk Seri.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Memang termasuk mengkaji ketirisan pengedaran dan penyeludupan LPG bersubsidi meliputi kategori silinder, kategori pengguna berdasarkan strata – bandar, luar bandar dan juga berdasarkan lokasi daerah bahagian dan negeri. Mengambil kira pandangan Yang Berhormat tadi saya akan khusus kan kepada kawasan-kawasan di sempadan. Ya Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih Datuk Seri. Saya hendak dapat sedikit penjelasan lanjut daripada Dato' Iskandar ya. Tadi, kita sudah dengar dan kita memang bersetuju peranan penguatkuasa khasnya dalam tempoh interim ini apabila kita tunggu kesemua kajian dan definisi ini siap. Memang peranan penguatkuasa memainkan satu peranan yang amat penting.

Kita faham bahawa fokus penguatkuasaan sekarang adalah dobi dan juga hotel. Tadi saya dengar hampir semua kedai-kedai dobi yang didaftar di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan menjadi *target* dan untuk hotel sudah dilaksanakan lebih kurang 1,000 lebih

tindakan penguatkuasaan. *So, can I just check* daripada 1,000 lebih ini berapa besarnya sekiranya kita bandingkan dengan jumlah hotel yang kita ada? *How big is the penguatkuasaan?*

■1120

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita dapat statistik daripada MOTAC berapakah jumlah hotel yang berdaftar dengan mereka, lebih kurang 3,000.

*So, untuk fasa pertama ini kita sudah selesaikan lebih kurang 1,000 dan insya-Allah by next year, saya mencadangkan, saya menganggarkan bahawa kita – we can complete that 2,000 hotels itu lagi. Insya-Allah by 2022, semua hotel ini kita expect akan menggunakan LPG tidak bersubsidi, kalau mereka menggunakanlah. That is our aim. Dan begitu juga dengan dobi Yang Berhormat. We will make sure by 2022, kita usahakan supaya semua dobi ini akan menggunakan gas tanpa subsidi. Terima kasih.*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. *So do we have the figure of the ketirisan dari tahun 2018 onwards? Mungkin dari kementerian ataupun Audit? Ada atau tidak? Because after we listened to some of the enforcement words and so on, saya percaya bahawa ketirisan ini pasti akan menurun. Akan tetapi kita hendak tengok berapa keberkesanannya dari segi statistik. Dari tahun 2015 sehingga 2017, RM1.717 bilion. So, bagaimana kita boleh dapatkan angka tahun 2018, 2019, katakan 2020 dan so on?*

*MOF or KPDNHEP? Any way to find out?*

**Encik Ma. Sivanesan [Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan]:** *I think the only way to find out – maafkan saya Tuan Pengerusi. Satu-satu cara untuk membuat perbandingan adalah berdasarkan andaian yang diguna oleh Jabatan Audit Negara yang menggunakan asas penggunaan domestik sebanyak satu isi rumah tujuh biji tong. So, kalau kita gunakan kaedah the deduction method itu mungkin kita boleh dapatlah sedikit sebanyak anggaran tersebut. Mungkin Jabatan Audit Negara boleh bantulah sebab kami tidak tahu detail pengiraannya dalam arriving dalam at the previous years' estimates. Sebab ia menggunakan andaian tersebutlah kalau saya betul. Mungkin Jabatan Audit Negara boleh beri input?*

**Tuan Pengerusi:** Audit?

**Encik Mohd Marzuni bin Mohd Muhamad [Pengarah Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi III) Jabatan Audit Negara]:** Tuan Pengerusi, asas yang kita guna adalah bilangan isi rumah dengan kadar penggunaan setahun bagi luar bandar dan dalam bandar. Itu sahaja asas yang kita gunakanlah. *And then kita compare dengan keseluruhan subsidi yang di-provide oleh kerajaan. So the difference itulah yang merupakan ketirisan kepada subsidi inilah. Akan tetapi kalau MOF minta kita, kita boleh bantu MOF lah kalau MOF perlu.*

**Tuan Pengerusi:** *Can you all go into that? Ya? Sila Naib Pengerusi.*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Hendak tanya. Daripada ketirisan yang dikenal pasti itu, bolehkah kita tahu berapa yang melibatkan LPG yang diseludup yang 14KG itu, ke luar negara, mesti macam kami di Sabah memang banyak ke Indonesia, dengan penggunaan lain-lain dalam negara kita. Dapatkah kita tahu *actual proportion*?

**Encik Mohd Marzuni bin Mohd Muhamad:** Dalam konteks yang data ini kita tak dapat kenal pasti. Sebab kita tak ada data berkenaan dengan penyeludupan itu. Akan tetapi saya percaya dalam konteks kajian yang akan dibuat nanti mungkin boleh kenal pastilah *figure* tersebut.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya hendak – soalan *basic*. Berbalik mungkin kepada MOF, berkaitan senarai enam syarikat itu dan kontrak mereka itu daripada bila sampai bila. Enam syarikat pembekal utama itu.

**Encik Ma. Sivanesan:** Sebenarnya Yang Berhormat, ia berdasarkan teguran PAC sebelum ini. Kita akan menyediakan dokumen kontrak tersebut, perjanjian. Kita tidak ada tempoh tamat melainkan ia boleh ditamatkan sekiranya ia melanggar apa-apa syarat yang kita tetapkan nanti. So, lantikan itu secara *historical* lah. Inilah pembekal-pembekal gas yang ada di Malaysia pada masa tersebut termasuklah Petronas, Shell, Petron dan sebagainya – pembekal utama gas. So, kita tak ada tempoh tamat lantikan *in that sense*.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, saya hendak tambah sedikit berkaitan dengan kajian audit. Ketirisan itu disebabkan mengambil kira hanya isi rumah setahun, bandar dan luar bandar. Ini termasuk penggunaan setahun berapa banyak tong oleh isi rumah di bandar dan luar bandar. Kajian audit mendapati bahawa pengguna luar bandar lebih banyak menggunakan LPG daripada bandar ya. Tak tahulah apa sebabnya tetapi Yang Berhormat-Yang Berhormat...

**Seorang ahli:** *[Berucap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Boleh jadi lah. Termasuk Yang Berhormat lah *[ketawa]*. Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikitlah. Saya rasa yang banyak menggunakan gas – sebab kita tak ada polisi yang jelas siapa yang boleh gunakan selama ini. Pihak yang banyak menggunakan LPG 14 kilogram yang bersubsidi ini ialah pertama sekali ialah restoran. Yang keduanya ialah peniaga-peniaga di pasar malam dan sebagainya. Mereka ini akan menggunakan gas LPG bersubsidi sebab ianya murah dan merendahkan kos.

Saya rasa sebahagian besar yang dikatakan ketirisan itu, ke sinilah perginya. Bukannya diseludup ke mana-mana pun dan ada sedikitlah yang dicuri dan sebagainya. Itu saya tak nafikan. Akan tetapi kita juga perlu mengambil kira bahawa seandainya kita tidak membenarkan restoran contohnya ataupun peniaga pasar malam menggunakan LPG

bersubsidi ini, saya percaya kos kita untuk makan di luar akan meningkat dengan sangat banyak.

Saya bawa contoh mungkin roti canai hari ini kita boleh dapat RM1.50, selepas ini mungkin jadi RM2. Teh tarik pun akan meningkat. So, ini benda-benda yang kerajaan perlu ambil kira juga sebab setiap kali harga naik, memang rakyat akan marah dan sasaran pertama ialah memang KPDNHEP. Memang kena *taruh kaw-kaw* punya [Ketawa]. Walaupun kementerian lain contohnya harga ayam naik. Dia orang tak cari Kementerian Pertanian sebab Kementerian Pertanian yang memantau bekalan ayam dan sebagainya. Akan tetapi yang kena dahulu, KPDNHEP, kerana tak buat kerja, macam-macam lah.

So, ini benda-benda yang kita kena jaga juga sebab dari segi hari ke hari, *especially* zaman sekarang ini masa COVID-19 ini, rakyat memang sangat susah. Hendak cari makan pun susah, kita naikkan lagi harga gas dan sebagainya akan menambah lagilah kesengsaraan rakyat. Ini yang saya rasa Yang Berhormat semua kena fikirilah. Terima kasih.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Saya hendak bertanya fasal satu perkara. Fasal kita di Malaysia ini budaya makan di gerai-gerai di tepi jalan – *even on the way* ke Parlimen ini pun ada bukan? Walaupun kita di kota raya Kuala Lumpur. Bagaimanakah pandangan kamu tentang mereka ini yang berniaga seperti begitu? Adakah mereka sebagai peniaga kena pakailah yang *industrial* punya? Akan tetapi dikatakan bahawa yang itu memerlukan pemasangan dan macam-macam perkara lah yang tidak akan memudaratkan. Jadi bagaimana pandangan kamu, adakah mereka – dalam pandangan kamulah secara ikhlas, adakah mereka itu mesti kita paksa mesti pakai yang *industrial* punya atau *the 14KG* punya? Ambil kira ini di seluruh Malaysia memang banyak perniagaan seperti begitu ya. Ini memang memanfaatkan banyak kumpulan.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah pihak kementerian telah mengeluarkan arahan kepada semua *oil co.* untuk mereka mengeluarkan gas 14KG tanpa subsidi. Maknanya kalau yang 14 kilogram tanpa subsidi ini, peniaga-peniaga di pasar malam, di restoran boleh menggunakannya tanpa membuat apa-apa perubahan kepada *piping* mereka. Maka tidak ada kos untuk menukar paip dan sebagainya.

*So, it is a matter of policy* sahaja sekarang ini. Kalau kerajaan berpandangan bahawa, membuat polisi bahawa hanya *households* sahaja sebagaimana laporan audit mengatakan bahawa *household* sahaja yang boleh menggunakan gas LPG ini maka kita akan buat *enforcement* tak ada masalah. Tetapi kesannya kepada negara memang sangat besarlah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** *Just to* tambah ya. Okey itu satu perkara. Akan tetapi makan di gerai ini ada keistimewaannya untuk orang yang tertentu. Kalau you beri dia 14KG *no* subsidi jadi harganya akan meningkat, bukankah? So, macam tak ada erti lah untuk makan di gerai. *I mean do you also consider* juga dalam you punya – you minta buat kajian ini.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Okey Tuan Pengerusi. Ada beberapa penjelasan saya mahu. *Maybe* sudah sebut tadi sementara saya belum sampai tadi. Cuma saya ingin penjelasan sedikit. Fasal bila Dato' Iskandar *mentioned about* subsidi dengan *non-subsidy* untuk peniaga-peniaga kecil, contoh restoran, pasar malam dan sebagainya. Ada ke peruntukan untuk mereka yang menggunakan subsidi LPG ini – mereka guna, mereka berniaga, *considered* sebagai pengusaha tetapi menggunakan subsidi ini. Jadi apa kita punya *law* kita, peruntukan undang-undang kita, mereka dibolehkan atau tidak menggunakannya atau tidak? Itu yang pertama.

Yang kedua Tuan Pengerusi, ada sesetengah pengusaha ini – ada beberapa kategori pengusaha yang *middle-class, low-class and the upper hand*. Seperti contoh pengusaha kantin contohnya dan pengusaha asrama umpamanya. Kebanyakan daripada mereka masih juga mengambil kesempatan untuk menggunakan LPG yang tidak ada subsidi. Akan tetapi soal peruntukan undang-undang itu. Terima kasih.

#### ■1130

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat, saya jawab. Sebenarnya tidak ada peruntukan undang-undang mengatakan bahawa siapa boleh guna subsidi dan siapa tidak boleh guna. *There is no law*, sepanjang saya berkhidmat di KPDN saya pernah bertanya kepada beberapa orang Menteri, mereka pun bila tanya sama ada kita hendak buat tak undang-undang membenarkan mana-mana orang guna subsidi dan mana-mana orang tak boleh guna. Mereka semua *silent* sebab kesannya ialah kepada negara. Tidak ada seorang Menteri pun yang berani kata *we should do the law, now*. Tidak ada. Semua kata tak apalah *you* cubalah setakat mana boleh kawal, kawallah. Itu sahaja.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** Baik *chairman*.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** Kalau itu tidak ada peruntukan dalam undang-undang negara kita, *so it is not fair* untuk penguatkuasaan mengambil tindakan kepada ikan bilis. *You know what I mean?*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** Ada sesetengah peniaga di kawasan luar bandar. Kadang-kadang, *sorry* ya Dato', penguatkuasa ini kadang-kadang dia garang kawasan yang agak lembut-lembut dia garang sikit, kawasan keras dia tak garang.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Okey. *[Ketawa]*

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** So kita kena buat satu pendekatan yang standard, kalau tidak ada *law* soal penggunaan subsidi ini, so kita tak boleh anggap itu sebagai satu ketirisan. *I'm I right?*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun:** Bukan kesalahan pun.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** Bukan kesalahan dan bukan satu ketirisan. Kalau banding kata MOF dan juga Jabatan Audit bagi tahu tadi untuk kita bandingkan mengikut statistik data negara, tujuh apa tadi itu, tujuh silinder per *household*.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Sebanyak tujuh silinder.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** *Am I right?* Kalau selain daripada itu adalah ketirisan *its not fair*. *Am I right?* So kita anggap itu sebagai satu penggunaan yang digunakan oleh rakyat Malaysia, *unless* Menteri sekarang berani isytihar semua peniaga mesti gunakan non subsidi punya LPG. *That's different*. Kalau tak ada *law so that means* tidak ada ketirisan. So penguatkuasaan *must be fair*, tidak ada penguatkuasaan kepada mana-mana pengusaha yang menggunakan gas tanpa subsidi ini untuk usahawan mereka sama ada pasar malam kah, kantin kah, restoran kah, *whatever*. *Unless* kata contoh *you* buat kategori hotel lima *star* ke atas atau *three star* ke atas mengikut kapasiti penggunaan, ini mesti pakai *industrial LPG with no subsidy*.

Kedai-kedai yang agak-agak buruk sikit, *outskirt* sikit boleh, *that's different*. Saya punya pandangan *Chairman*.

**Tuan Pengerusi:** Yes ya saya minta penjelasan daripada Dato'.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, memang tepat sekali bahawa kita sebenarnya tidak boleh mengambil tindakan terhadap orang yang menggunakan gas bersubsidi ini. Tetapi Yang Berhormat Dato', kita ada mengambil tindakan berdasarkan kepada Akta Kawalan Bekalan 1961. Antara kesalahan ialah kerana pertama sekali mereka menjual gas tidak ada lesen sebab gas ini barang kawalan jual tetapi tidak ada lesen.

Yang keduanya, mereka menggunakan LPG yang dalam kuantiti yang banyak pun bukan susahlah ya dia tidak ada permit untuk menggunakan atau menyimpan. Itu kalau yang banyaklah kalau setakat *household* ini tak adalah. Ketiganya mereka memindahkan LPG yang 14 kilo kepada 50 kilo itu kita anggap sebagai *decanting* dan melakukan kesalahan di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan.

So ada beberapa kesalahan yang jelas berkaitan dengan itu tetapi dari segi penggunaan itu contohnya saya pergi ke restoran dan saya ambil tindakan kepada restoran kerana menggunakan LPG bersubsidi. Sebenarnya tidak ada kesalahan menggunakan gas tersebut. Akan tetapi kesalahannya ialah kerana ia disimpan dalam kuantiti yang sangat

banyak di premis dia tetapi tanpa permit yang dibenarkan oleh kerajaan. Untuk mereka menyimpan gas LPG ini sebab ia merupakan bahan yang berbahaya mereka terutama sekali perlu dapat kelulusan daripada bomba. Bomba akan menyemak sama ada keselamatan dijaga. Keduanya mereka mesti mendapat permit khas daripada pihak kementerian untuk membolehkan mereka menyimpan dan menggunakan gas.

Sebab itulah, tetapi saya bersetuju lah kepada keseluruhan daripada Yang Berhormat bahawa ketirisan yang berlaku ini bukanlah kerana diselewengkan tetapi dianggap kesalahan kerana bukan *household* yang menggunakannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya rasa kita sudah masuk kepada satu apa nama cadangan ini. Kalau kita *follow* ini cadangan ini, tak payah buat *survey* lah ini. Kita tak anggap yang dikatakan ketirisan ini kerana ada kategori yang disebut boleh iaitu *household*. *That's it. Other than that it is* ketirisanlah kan ataupun yang lebih penting yang lebih nyata kesalahannya ialah penyeludupan. *I'm sure that one* tidak ada khilaf kita ya itu. Sebab itu saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Beaufort supaya dapatkan *proportion* sebenarnya ketirisan daripada itu. Kalau itu yang besar, *probably we can save a lot*. Akan tetapi, kalau kita kata kita hendak bagi semua subsidi, ini kita kena bincang subsidi *as a whole*, subsidi petrol pun kita sudah kurangkan.

Ini kerana apa *it effects the economy of the country*. Hasil negara, macam itu juga LPG ini kalau kita bagi *swap free* pun boleh apa masalahnya. Buat apa subsidi, subsidi. Rakyat Malaysia bagi *free* sahaja kita *after all* kita keluarkan gas itu agaknya— *do we produce the gas? We do*. Akan tetapi kita hendak kawal benda itu sebab ia melibatkan kos RM1.7 bilion. Kalau kita rasa RM1.7 bilion *is nothing than its* okeylah. Lebih pun tak apa tetapi *at what cost*. *At some point in time or in other occasion we cannot do something because of this* ketirisan contoh pembangunan— *RM1.7 billion is big, education*. Sedangkan peniaga-peniaga ini *I'm not sure whether we can really control the price if we give them the free LPG*. Kalau tidak *there are just making hay*. Kita pula rakyat yang ini— jadi *I think whatever the survey is still useful* lah. Kita hendak tengok *how much* pasal apa kita sudah ada *definition* sekarang ini itu *household*. Kalau *government agree* kalau macam itu *let's give to everybody* lah. *That is okay if that is the government's policy. If you want to be reckless* boleh bagi semua *in fact* bagi rakan-rakan atas nama semangat ASEAN pun kita bagi juga.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *I mean* kalau begitulah. *After all* Pulau Sebatik bukan jauh daripada tempat kita pun ya, *for all you know they contribute into our economy also. I do not know. So* jadi, *but if we want to have a policy of subsidy we cannot be too open*. Subsidi, nama pun subsidi. Subsidi apa pun, subsidi baja, subsidi nelayan or

*whatever* ya dia mesti kontrol. Kalau tidak *you* bagi macam itu tidak ada makna apa-apalah. *So we really are waiting for this survey* kalau boleh dipercepatkan sebulan kah. *Without compromising on the quality of the survey lah. Thank you very much.*

**Tuan Pengerusi:** *Okey thank you. Any slides more from this ministry* ada tak?

**Encik Amran bin Ahmad:** *So far* tak ada Tuan Pengerusi *just* saya fokus kepada isu kajian sahajalah yang kita hendak.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Permatang Pauh sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih. Saya rasa memang maklum balas sangat penting, yang bab cadangan penambahbaikan kepada pengurusan program subsidi LPG akan dimasukkan jugalah keterbatasan penguatkuasaan, kesusahan yang dihadapi dan elemen sempadan yang Yang Berhormat Sibuti sebut tadi. Okey saya setujulah kajian penting, Yang Berhormat Lumut pun bersetuju hanya dia suka gunakan cara-cara berlainan untuk menyampaikan mesej yang sama.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Untuk makluman Yang Berhormat, permintaan untuk menambah pegawai penguatkuasa ini telah kita majukan kepada JPA pada 3 Jun 2020. Nanti sebahagian daripada laporan kajian itu kita akan masukkan statusnyalah. Pada masa ini kita minta kepada JPA supaya mengisi kekosongan yang sedia ada kerana pada masa ini kita masih mempunyai 296 kekosongan. Jadi kalau JPA dapat isi dulu yang ini pun sudah satu yang baik dan kita akan lihat kesannya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya personel, personel. Saya minta tambah di Pasir Mas itu kena banyak sikit, Parlimen saya. Sebab berpuluh-puluh kilometer sempadan dengan Sungai Golok itu orang tolak dengan perahu sahaja Dato'. Letak dalam perahu tolak. Sana pula tolak sini.

**Seorang Ahli:** Tak payah pasang enjin.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari:** Tak payah pasang enjin.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Tuan Pengerusi, tambahan kepada apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Saya rasa sangat penting kerana itu kalau kita katakan kalau skop itu dapat dikawal atau dikurangkan contohnya kita memang *all-out* mahu penguatkuasa ditugaskan untuk menjaga sempadan dan penyeludupan yang melibatkan negara luar dan *its easier to deploy* daripada menambah pegawai-pegawai kepada kawasan-kawasan tertentu yang kita tahu berlaku penyeludupan sedemikian. Berbanding dengan 'ikan bilis' *whatever* lah. Pada saya kerana itu bila kita besarkan definisi ia merangkumi juga perkara-perkara lain yang akan menambah beban kepada pegawai. *So, its quite important to keep it not just about* tambahan tetapi dari segi ruang tugas yang lebih tertumpu kepada *awlawiyyat*-nya.

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Saya respons Yang Berhormat, Tuan Pengerusi. Macam di Pasir Mas ini sebenarnya kita ada pejabat cawangan kementerian di

Pasir Mas. Sekarang kita sedang mengatur semula gerak kerja kita termasuk menambah pegawai di Pasir Mas.

Kemudian untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh juga kita sebenarnya ada kerjasama di sempadan ini dengan PGA, dengan ATM dengan Polis Marin.

■1140

Semuanya kita bekerjasama dan kita pun ada MoU dengan mereka sebenarnya untuk membantu. Setakat ini, kerjasama itu sangat memberangsangkan, umpamanya di sempadan Kelantan, kita banyak menerima serahan-serahan kes dan juga tangkapan oleh pihak PGA, oleh pihak ATM kepada pegawai-pegawai kita di pejabat sama ada di pejabat Pasir Mas, di Kota Bharu. Memang kita terima serahan-serahan tersebut. Inilah strategi kita di mana kita menggerakkan semua agensi penguatkuasa untuk sama-sama membantu. Setakat ini *alhamdulillah*, penguatkuasaannya sangat – cuma yang menjadi masalah sekarang ini bila banyak tindakan diambil, semuanya diberi kepada pihak kementerian. Kita memang ada banyak, terlampau banyak kes yang perlu diselesaikan dengan bilangan pegawai yang tidak mencukupi. Yang Berbahagia Datuk Seri KSU pun telah melihat perkara ini dan telah bersetuju untuk memberi penambahan pegawai di mana-mana pintu sempadan ini untuk kita membantu di mana boleh. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman:** Tuan Pengerusi, kita balik tadi daripada segi definisi golongan bersasar itu, itu yang nampak ada keutamaan dalam *outcome* kajian kita ini. Di pihak kementerian sendiri, mungkin ada cadangan yang lebih kuat untuk kita lontar lebih awal sebelum kita dapat hasil daripada *outcome* kita ini. Definisi golongan bersasar. Masa tadi yang disebut, kalau kita cuba hendak mengetepikan keperluan peniaga-peniaga kecil atau restoran ini guna, jadi ada impak lain yang itu. Impak sosial dan impak politik pun mungkin Yang Berhormat Jelebu. Orang akan marah kita. [*Ketawa*] Jadi, itu pun perlu dilihat juga. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Ya. Apabila kita sudah ada fakta-fakta yang kita boleh gunakan untuk menasihati kerajaan, kita akan syorkan beberapa opsiyen kepada kerajaan. Setiap syor itu ada *pros and cons* dia dan terpulanglah kepada kerajaan untuk membuat satu keputusan mengenainya ataupun kerajaan membuat keputusan untuk dikembalikan semula kepada kementerian dan dibuat kajian lanjut. Itu pun satu keputusan yang pernah kita terima pada masa yang lepas. Akan tetapi, kita akan nasihatkan kerajaan *pros and cons* untuk beberapa syor yang boleh dipilih oleh kerajaan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** *Chairman,*

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Jalaluddin bin Alias:** Ini luar tajuk sikit. Cuma sedikit sebagai pandangan sebagai orang politiklah, mewakili semua parti. Kalau boleh, penguatkuasaan (*enforcement*) ini, kepada pihak-pihak yang - saya dengar Yang Berbahagia Dato' Iskandar beritahu tadi, salah satu, ia bukan soal yang tidak subsidi, tetapi pegangan jumlah *volume* gas di dalam satu-satu premis. Jadi, saya nak cadang kepada penguatkuasaan supaya *be fair*. Kalau macam hotel, *hoteliers*, *then* restoran-restoran besar, okey *fair* kerana *of course*, dia akan simpan stok yang banyak. But, not kepada peniaga-peniaga kecil. Contoh macam pasar malam, gerai-gerai umpamanya, restoran kampung, kantin, *I think it is not fair for us to enforce them* kerana memiliki gas. Itu sebenarnya menghalalkan kompaun sahaja itu, kita tahu dia guna *nonsubsidized*, tetapi kita kompaun dia fasal simpan contoh, fasal bukan industri. Menghalalkan kompaun. Saya ingat kita halalkan teruslah, yang besar-besar itu *you* caj. *Thank you Chairman.*

**Dato' Iskandar Halim bin Haji Sulaiman:** Tuan Pengerusi, biasanya peniaga-peniaga kecil contoh macam di pasar malam, kita memang bagi nasihat sahaja suruh dia buat apa yang patut. Itu sahaja. Lebih-lebih lagi masa sekarang ini, masa COVID-19 ini, orang semua hendak cari makan susah. Kita mengambil kira faktor tersebut dan lebih banyak amaran diberi untuk mereka mematuhi undang-undang. Itu sahaja. Contohnya, kesalahan yang selalu mereka lakukan ialah tidak meletakkan tanda harga pada barangan. Itu pun kita minta dia letak tanda harga, kita bagi amaran *next time* jangan buat lagi. Begitulah.

Selalu juga kesalahan selalu dibuat peniaga-peniaga kecil ini ialah alat timbang mereka tidak disahkan. Ini sama ada alat timbang itu betul ke tidak, tidak ada siapa mengesahkan. Jadi, itu pun kita beri amaran supaya dia pergi buat pengesahan dan sebagainya. Memang Yang Berhormat, kita faham hasrat orang politik supaya kita berhati-hati dengan rakyat marhaen ini dan *insya-Allah*, itu memang menjadi sebagai agenda kita dan juga nasihat daripada Yang Berbahagia Datuk Seri KSU sendiri untuk kita melihat perkara-perkara ini semua. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *Thank you. Anyone else?* Ada soalan lain tak yang hendak minta penjelasan daripada KPDNHEP? Okey. Jika tidak ada, saya nak minta supaya Yang Berbahagia Datuk Seri KSU untuk sesi hari ini, kita buat mesyuarat maklum balas. Selain daripada slaid yang dibekalkan, pihak PAC juga memerlukan *the written reports from the ministry*. *So that*, sebab laporan yang akan kita bentangkan ke Parlimen ini bukan laporan PAC, tetapi adalah satu laporan maklum balas daripada kementerian. *So, Encik Sivanesan, as far as MOF is concerned, also the same applies. So, give us the slide as well as the written reports.*

Saya rumuskan beberapa perkara yang lanjutan daripada soalan-soalan tadi sekiranya boleh masukkan dalam *written reports* oleh kementerian iaitu nombor satu,

berkenaan dengan *timeline* yang kita *looking at*. *Half a year*, enam bulan selepas kajian disempurnakan, maka kita kena ada satu polisi yang baharu dari situ. *That is number one*. *Number two*, berkenaan dengan makluman berkenaan dengan *enforcement* (penguatkuasaan). Sebanyak 1,000 lebih daripada 3,000 lebih hotel telah pun dijalankan tindakan *enforcement*, *something like that* dan juga ke atas dobi, Ops Ampai dan sebagainya. *I think one of the very good points made by Yang Berbahagia Dato' Iskandar just now was that a lot of people outside do not know actually, this thing will fall under AMLA. So, that point I think also has to be put in your report. Okay. So, ada apa-apa lagi tak? Ya, Encik Sivanesan?*

**Encik Ma. Sivanesan:** Yang Berhormat, saya mohon sedikit penjelasan. Tempoh hari semasa MOF membentangkan status tindakan, kita ada ditanya bahawa sekiranya boleh adakah MJM tersebut akan dibentangkan lebih awal. So, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada kita meneruskan pembentangan awal ataupun kita tunggu sehingga kajian KPDNHEP ini selesai supaya apa-apa tindakan yang kita buat itu lebih menyeluruh dan mempunyai data yang menyeluruh dan menyokong apa-apa hujah yang KPDNHEP bawa kepada Kabinet nanti.

**Tuan Pengerusi:** Boleh tidak kita dengar pandangan daripada Yang Berbahagia Datuk Seri?

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya sebenarnya lebih selesa jika apa yang kita akan bawa kepada Jemaah Menteri dalam bentuk nasihat dan juga pilihan kepada syor-syor yang ada itu berdasarkan kepada satu fakta yang berlandaskan kepada satu kajian. Jadi, apa-apa keputusan yang dibuat itu adalah satu yang lebih objektif, lebih klinikal dari segi penilaian dan juga lebih menepati apa sebenarnya yang berlaku di luar sana berbanding dengan kita membuat berdasarkan banyak, mungkin banyak *assumption* terhadap apa yang berlaku di luar sana Yang Berhormat. Pandangan saya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. *I think* selepas sesi hari ini kita boleh memahami lebih lanjut *the progress of the* kajian. Sekiranya boleh kajian ini disiapkan seawal yang mungkin, *so that MOF can work with* KPDNHEP untuk berkenaan dengan Memorandum Jemaah Menteri itu. Okey, sila.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** *Just to confirm, the MJM will be a joint MJM antara KPDNHEP and MOF?*

**Tuan Pengerusi:** Boleh *confirm*-kan? *Will it be a joint MJM?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Okey. *Anything from* Yang Berhormat Permatang Pauh? Ya.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** *Just* selamat bertugas Yang Berbahagia Datuk Seri KSU, kementerian baharu. Tahniah.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli PAC dan para hadirin yang saya hormati sekalian, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan merakamkan penghargaan atas bimbingan dan juga garis panduan yang telah diberikan oleh PAC dalam kita menambah baik program subsidi LPG ini. Dan saya percaya kita akan cuba untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik supaya hasrat rakyat untuk mendapat bantuan melalui subsidi ini tercapai dan pada masa yang sama, kita boleh mengoptimumkan perbelanjaan subsidi kerajaan di masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Bagi pihak PAC, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Seri KSU bersama-sama dengan Encik Amran, Yang Berbahagia Dato' Iskandar, Encik Ma. Sivanesan dan rakan-rakan sekalian. So dengan itu, kita akhiri mesyuarat maklum balas bagi pagi ini dan laporan maklum balas setelah kita menerima laporan, *I mean the written reports* daripada pihak kementerian, maka kita akan menyediakan laporan maklum balas kita dan dibentangkan dalam Parlimen dalam dua atau tiga minggu *at most*. Terima kasih.

**Encik Ma. Sivanesan:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Early lunch. Lunch is ready. The PAC Members have to stay back for like another 40 minutes. Let us settle three verifications. Thank you, Yang Berbahagia Datuk Seri, thank you so much.*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.49 pagi]***